

FANATIK BERAGAMA DALAM KALANGAN MASYARAKAT ISLAM DI MALAYSIA: ANALISIS BERDASARKAN PEMAHAMAN TERHADAP *FIQH* *AL-HADITH*

Khadher bin Ahmad, Mustaffa Abdullah, Sedek Ariffin & Mohd Yakub
@Zulkifli Mohd Yusoff

Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,
50603 Kuala Lumpur, Malaysia. Emel: khadher82@um.edu.my

Abstrak

Dalam masyarakat Islam di Malaysia, mekanisme beragama dapat dilihat dalam pelbagai suasana dan keadaan bergantung kepada pemahaman terhadap ajaran agama itu sendiri. Sekalipun agama Islam itu bersumberkan kepada al-Quran dan berpandukan kepada ajaran yang hanya dibawa oleh Nabi Muhammad SAW, tetapi dalam menzahirkan kefahaman dalam kalangan masyarakat adalah berbeza. Dari itu, lahirkan pelbagai golongan yang memanisfitasikan agama dengan pelbagai keadaan sehingga wujudnya golongan yang bersifat sederhana, golongan yang fanatik (ekstrem) dan golongan yang sesat. Melalui metode analisis deduktif dan induktif, artikel ini bertujuan untuk mengumpulkan hadith berkaitan dengan fanatik beragama dan menjelaskan pengistilahan dalam hadith yang merujuk kepada fanatik beragama serta menjelaskan pemahaman berdasarkan perbincangan dalam fiqh al-Hadith. Hasil analisis mendapati bahawa terdapat lima (5) hadith yang menjadi asas perbincangan berkaitan dengan fanatik beragama dari sudut landasan teori dan pemahaman berkaitan dengannya dengan merujuk kepada tiga tema utama iaitu [1] larangan melampaui batas, extreme atau memberatkan sesuatu; [2] larangan mengada-adakan sesuatu baharu berkaitan agama dan [3] agama itu mudah dan tidak memberatkan atau membebankan.

Kata kunci: *Fanatik Agama; Eksterimis Agama; Ekstremis; Taksib Mazhab; Bid'ah; Malaysia, Fiqh al-Hadith.*

**(FANATICS OF RELIGIOUS AMONG MUSLIM COMMUNITY IN
MALAYSIA: ANALYSIS ON THE UNDERSTANDING BASE ON *FIQH AL-
HADITH*)**

Abstract

In the Muslim community in Malaysia, mechanisms of religion can be seen in various atmosphere and conditions depending on the understanding of the teachings in the religion itself. Although Islam is derived from the Quran and guided by Prophet Muhammad Peace Be Upon Him, but in expressing understanding among the communities are different. Therefore, reveal different groups with different religious will be manifestation until the realization of the conditions that are simple, the fanatical (extreme) and the deviants. Through deductive and inductive analysis method, this article aims to collect the hadith associated with religious fanaticism and explain the meanings in the hadith refers to religious fanaticism and clarify understanding based on discussions base on fiqh al-hadith. The analysis found that there are five (5) hadith that form the basis of discussions related to the religious fanatics refer to the theory and the understanding aspect with three main themes: [1] the prohibition exceeds the limit, something extreme or burdensome; [2] ban invent a new religion and [3] religion that easy and not burdensome or charge.

Keywords: *Religious fanatics; extremist; religious extremists; Bigoted School; Bid'ah; Malaysia; Fiqh al-Hadith.*

Received: March 29, 2017

Accepted: October 9, 2017

Online Published: December 30, 2017

1. Pengenalan

Islam adalah agama yang sempurna (*syumul*) yang bersifat sederhana (*wasatiy*). Kedatangan agama Islam sendiri telah mengubah paradigma peribadatan manusia daripada kebergantungan kepada makhluk kepada kebergantungan sepenuhnya kepada Allah SWT. Bahkan Islam telah mewarnakan dan mencorakkan keperibadian manusia itu kepada

sebaik-baik keperibadian sesuai dengan firman Allah SWT (al-Ahzab 33:21):

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا

Terjemahan:

Demi sesungguhnya adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu, contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharakan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan memperingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang). (Basmeih, 2011)

Yakni, kesempurnaan peribadi Nabi SAW itu adalah sebaik-baik ciptaan Allah SWT untuk diyakini dan dituruti oleh umat baginda SAW.

Sikap melampau dan tindakan ekstrem bukan merupakan intipati ajaran Islam itu sendiri. Bahkan Islam datang dengan penuh lemah lembut tanpa ada unsur paksaan, jauh sekali menggalakkan pengorbanan jiwa terhadap golongan yang menolak atau enggan menerimanya. Melalui panduan al-Quran sebagai wahyu Allah SWT dan panduan hadith Nabi SAW, umat Islam diajar dan dididik dengan akhlak yang baik melalui contoh dan teladan kepada cara hidup Nabi SAW. Walau bagaimanapun, kenapa Islam itu masih diletakkan sebagai agama yang menyarankan penganutnya kepada tindakan ekstrem? Kenapa umat Islam dilabelkan sebagai pengganas (teroris)? Demikian juga, wujud pula umat Islam yang bersikap taasub dalam ibadah, taasub kepada tokoh-tokoh agama sehingga mengagungkannya, taasub dan keras menentang golongan yang mempunyai pandangan yang bertentangan, taasub dalam menjalani kehidupan beragama dan pelbagai keadaannya lagi. Sedangkan, secara teorinya, Islam adalah agama yang sederhana, bersifat lembut dan tegas, jauh sekali membebaskan kehidupan umatnya beragama, menentang tindakan melampau atau ekstrem dan sebagainya.

Justeru, melalui rujukan terhadap dalil-dalil al-Quran dan hadith-hadith Nabi SAW perlu kepada penelitian dan huraian yang tepat dalam mengemukakan pemahaman yang betul terhadap teks agama dan bagaimana tindakan fanatik amat ditegah dan dilarang. Jadi, artikel ini, akan berusaha menghuraikan pemahaman tentang ekstrem atau fanatik dalam beragama berasaskan kepada rujukan terhadap teks hadith-hadith lalu dikeluarkan fiqhnya.

2. Fanatik Beragama

Sebelum perbincangan yang lebih panjang, perlu untuk diketahui maksud istilah 'fanatik beragama'. Istilah '*fanatik*', merujuk kepada *Kamus Dewan* Edisi Keempat (2007:406), bermaksud terlalu berlebihan kepercayaannya atau keyakinannya terhadap sesuatu ajaran (termasuk politik dan lain-lain) hingga melampaui batas. Fanatik juga merujuk kepada (orang yang) keterlaluhan pada sesuatu pegangan atau pendirian (biasanya berkaitan dengan keagamaan). Disebutkan juga bahawa fanatik adalah seerti dengan kalimah taasub iaitu kuat pegangan atau keyakinan yang keterlaluhan terhadap sesuatu atau seseorang, iaitu sama maksud dengan fanatik. (Kamus Dewan, 2007).

Kemudian, istilah *fanatisme* pula merujuk kepada satu fahaman atau perilaku yang menunjukkan sikap tarikan terhadap sesuatu secara berlebihan. (Kamus Dewan, 2007). George Santayana¹ (1905:13) telah mendefinisikan *fanatisme* sebagai melipatgandakan usaha anda ketika anda lupa tujuan anda". Manakala Winston Churchill² menyebutkan

¹ Beliau adalah seorang ahli falsafah Hispanik-Amerika yang dilahirkan pada 16 Disember 1863 di Madrid dan meninggal dunia pada 26 September 1952 di Rom. Beliau adalah seorang Atheists yang tidak mempercayai ketuhanan. Beliau pernah mendapatkan pendidikan di Harvard College, Boston Latin School, Harvard University, King's College, Cambridge. Beliau mendapat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang falsafah dari Harvard University pada tahun 1889. Sila rujuk laman The Famous People (2017) diurl: <http://www.thefamouspeople.com/profiles/george-santayana-221.php#wo4hyKpRXWimlvRG.99>. (Diakses pada 17 Mac 2017).

² Nama penuh beliau adalah Sir Winston Leonard Spencer-Churchill seorang yang berbangsa British yang dilahirkan pada 30 November 1874 di

bahawa seseorang *fanatisme* sukar untuk mengubah pola berfikir dan tidak pula akan mengubah haluannya". Boleh dikatakan bahawa seseorang yang fanatik memiliki aturan yang ketat dalam pola berfikirnya dan cenderung tidak mahu mendengarkan pandangan atau idea yang dianggap bertentangan (Wikipedia.org: 2017).

Fanatisme sebenarnya turut merujuk kepada keadaan seseorang yang percaya kepada agama bahawa apa yang dianutinya itu adalah benar. Pemahaman itu bersifat positif pada seseorang itu kerana terkait dengan aplikasinya dalam kehidupan seharian. Sesuai dengan keadaan agama itu yang sama sekali tidak mengajarkan penganutnya kekerasan, peperangan, dan permusuhan. Oleh itu, dalam hal ini fanatik kepada kebenaran atau mempertahankan agama Islam khususnya daripada dirosakkan adalah sikap yang baik. Boleh terjadi sekiranya Islam mengharamkan sesuatu makanan, lalu dicuba untuk memakannya juga dengan niat untuk melanggar larangan tersebut, maka itu dikatakan sebagai merosakkan nilai keimanannya.³ (Wajiran, 2012). Dengan itu, perlu kepada sikap fanatik untuk mempertahankan dan mendaulatkan agama Islam itu. Hal ini turut termasuk dalam sikap fanatik itu sendiri dari sudut kebaikannya.

Kemudian, *fanatisme* juga adalah suatu sikap penuh semangat yang berlebihan terhadap suatu segi pandangan atau suatu sebab. Perilaku fanatik ditunjukkan untuk menghina dalam hal tertentu, tetapi sebenarnya merupakan individu atau kelompok yang memiliki keyakinan atau pemahaman terhadap sesuatu secara berlebihan dan

Blenheim Palace, United Kingdom. Beliau meninggal dunia pada 24 Januari 1965 di London. Pernah menjadi Perdana Menteri United Kingdom dari 26 Oktober 1951 – 6 April 1955 dan telah banyak menyumbang dalam memberi idea dan membawa perubahan dalam Angkatan Laut Britsiah, terlibat dalam politik dan sebagainya lagi.. Maklumat lanjut tentang tokoh ini boleh merujuk ke laman Wikipedia.org.: (2017) url: https://en.wikipedia.org/wiki/Winston_Churchill. (Diakses pada 4 April 2017) dan laman Biography.com (2017), diurl: <http://www.biography.com/people/winston-churchill-9248164>, (Diakses pada 4 April 2017).

³ Wajiran (2012), "Fanatisme Agama Hukumnya Wajib" <http://sosbud.kompasiana.com/2012/08/13/fanatisme-agama-hukumnya-wajib-485807.html>. (Diakses pada Sabtu, 2 Ogos 2014).

mereka akan tetap pada pendiriannya, walaupun orang lain menganggap itu berlebihan. Pandangan Chaplin⁴ (2009: 66) ini telah dipetik oleh Irna Purnamasari (2016: 261).

Menurut Prof. Dr. Achmad Mubarak MA⁵ (2010), fanatik adalah suatu istilah yang digunakan untuk menyebut suatu keyakinan atau suatu pandangan tentang sesuatu yang bersifat positif atau negatif, tidak berasaskan kepada sandaran teori atau mempunyai asas kenyataan teori yang jelas tetapi dianuti atau dipegang dengan cara yang mendalam sehingga sukar untuk dibetulkan atau diubah pandangan tersebut.⁶ *Fanatisme* juga dapat disebut sebagai orientasi dan sentimen yang mempengaruhi seseorang dalam; berbuat sesuatu, menempuh sesuatu atau memberi sesuatu, dalam berfikir dan memutuskan, dalam mempersepsi dan memahami sesuatu, dan dalam merasa (Dinda Ayu, 2011).

Muhamad Kamil Abdul Majid⁷ (2003: 25-36) dalam tulisannya meletakkan fanatik sama dengan taasub. Beliau memetik pandangan

⁵ Nama sebenar adalah Achmad Mubarak yang dilahirkan di Purwokerto pada 15 Disember 1945. Beliau adalah Guru Besar dalam bidang psikologi Islam di Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta sejak 2005. Beliau juga pernah menjawat jawatan anggota MPR RI bagi tempoh 1999-2004. Kemudian, beliau turut dilantik sebagai wakil ketua dari Komisi Kajian Majelis Ulama Indonesia (MUI) pusat yang juga merangkap sebagai Wakil Ketua Umum DPP Partai Demokrat. Rujuk blog rasmi Achmad Mubarak (2017), di url: <http://mubarak-institute.blogspot.my/> (Diakses pada 17 Mac 2017).

⁶ Prof. Dr. Achmad Mubarak MA, (2010), *Fanatik dan Toleransi*, Mubarak Institute, Center For Indigenous Psychology (Pusat Pengembangan Psikologi Islam). Rujuk kepada link berikut: <http://mubarak-institute.blogspot.my/2010/12/fanatik-dan-toleransi-oleh-prof-dr.html>, (Diakses pada 25 Julai 2016).

⁷ Mohamad Kamil bin Hj Ab Majid, dilahirkan pada tahun 1950 di Kg Kayu Rindang, Melor Kota Bharu, Kelantan. Beliau adalah lulusan Ijazah Sarjana Muda Syari'ah dan Undang-undang daripada Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK), dan Sarjana Muda Syari'ah daripada Universiti Al-Azhar, Kaherah, Mesir. Kemudian, beliau melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Doktor Falsafah di Universiti Malaya. Kesarjanaan beliau adalah dalam bidang falsafah dan teologi di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Pada masa kini, beliau telah menamatkan perkhidmatan di atas

Dr. Yusuf al-Qaradawi⁸ (1406H dan 1984) yang menyatakan bahawa sikap fanatik dan taasub kepada pandangan sendiri atau kepada guru dan kumpulan masing-masing adalah salah satu daripada gejala melampau-lampau. Sikap ini menggambarkan seseorang yang tidak berkemampuan membuka perbincangan untuk membandingkan pendapatnya dengan pendapat pihak-pihak lain bagi mendapat pendapat yang lebih kuat dalil dan alasannya (al-Qaradawi, 1406; al-Qaradawi, 1984). Oleh itu, secara umumnya, kalimah fanatik, taasub, ekstrem, melampau, berlebih-lebih dalam sesuatu perkara atau kepercayaan adalah mempunyai maksudnya sama yang menunjukkan kepada perlakuan atau sikap yang dipandang tidak baik apabila ia telah melebihi had yang ditentukan.

Manakala, istilah beragama adalah merujuk tambahan imbuhan “ber” kepada perkataan “agama” yang merujuk kepada satu makna yang khusus. (Kamus Dewan, 2007) Istilah agama menurut Rahmat Kamaruddin (2012) dalam tulisannya menyebutkan bahawa secara etimologi, kata “agama” bukan berasal dari bahasa Arab, melainkan diambil dari istilah bahasa Sanskrit yang menunjuk pada sistem kepercayaan dalam Hinduisme dan Budhisme di India. Agama terdiri dari kata “a” yang bererti “tidak”, dan “gama” bererti kacau. Dengan

sebab persaraan. Rujuk kepada laman rasmi di url: <https://umexpert.um.edu.my/mkamil.html>. (Diakses pada 17 Mac 2017).

⁸ Beliau dilahirkan pada 7 September 1926 di perkampungan bernama Shafat at-Turab, Mahallah al-Kubra, Gharbiah, Mesir. Nama penuh beliau adalah Yusuf bin Abdullah bin Ali bin Yusuf, sedangkan al-Qaradawi adalah nama keluarga yang diambil daripada kawasan asal beliau bernama al-Qardhah. Yusuf Abdullah al-Qaradawi adalah seorang cendekiawan Islam dari Mesir yang terkenal dan merupakan ketua Majlis Fatwa dan Penyelidikan Eropah (*European Council for Fatwa and Research*) merangkap presiden Persatuan Ilmuwan Islam Antarabangsa (International Association of Muslims Scholars). Beliau juga merupakan Pengerusi Kesatuan Ulama Sedunia dan dipilih sebagai Tokoh Maal Hijrah Peringkat Antarabangsa sempena sambutan Maal Hijrah 1431/2009 Malaysia. Beliau telah menghasilkan banyak buku dan antara yang terkenal adalah *Halal dan Haram di dalam Islam* dan *Keutamaan Gerakan Islam pada Fasa Akan Datang*. Rujuk: <http://www.ib-article.com/2012/09/biography-dr-yusuf-al-qaradawi.html>. 17 Mac 2017.

demikian, agama adalah sejenis peraturan yang menghindarkan manusia dari kekacauan serta menjadi pengantar kepada manusia untuk menuju keteraturan dan ketertiban. Hal ini turut dinyatakan oleh Usman Syihab (2003: 80) yang menyatakan bahawa agama berasal dari suku kata “a-gam-a”, “A” sebagai awalan bermakna tidak pergi; tidak datang; tidak berubah atau bererti kekal. “Gam” juga merujuk kepada dasar yang membawa makna pergi atau jalan. Manakala “a” diakhir memberi kata sifar tentang erti kedatangan atau kekekalan. Oleh sebab itu, agama bererti pegangan atau pedoman hidup yang berkekalan. Menurut Harun Nasution¹⁰ (Wikipedia.org: 2017), agama tersusun dari dua kata “a” iaitu bermakna “tidak” dan “gama” bererti “pergi”, iaitu merujuk kepada makna tidak pergi, tetap di tempat dan diwarisi turun temurun, iaitu sesuai dengan sifat agama yang sedemikian. (Hasan Muari, 1994; Usman Syihab, 2003)

Agama juga dirujuk dengan istilah “*al-Din*”, dalam bahasa Arab yang mengandungi maksud yang pelbagai. Dalam *Lisan al-‘Arab* dan *Muhtar al-Sihah*, memberikan makna “*din*” seperti kekuasaan, kemuliaan, ibadah, ketaatan, memiliki kedudukan, ketundukan, Islam, tauhid, hutang, perhitungan, balas, nama setiap yang diyakini, dan ia juga bererti memberi pelayanan, kebiasaan, paksaan, kekerasan, kehinaan, serta juga bermakna kebiasaan yang baik dan buruk,

¹⁰ Prof. Dr. Harun Nasution dilahirkan di Pematangsiantar Sumatera Utara pada tahun 1919 merupakan seorang ahli falsafah Muslim Indonesia. Beliau pernah bersekolah di Hollandsche Indlansche School (HIS) dan lulus pada tahun 1934. Pada tahun 1937, lulus dari Moderne Islamietische Kweekschool. Beliau kemudian melanjutkan pendidikan di peringkat tinggi di al-Jami`ah al-Azhar, Kaherah pada tahun 1940. Beliau pernah bertugas sebagai pegawai Deplu Brussels dan Cairo pada tahun 1953-1960. Beliau kemudian meraih gelaran Doktor Falsafah di Universiti McGill di Kanada pada tahun 1968. Selanjutnya, pada 1969 menjadi rektor di IAIN Syarif Hidayatullah dan Universitas Negeri Jakarta. Pada tahun 1973 pula, beliau menjawat jawatan sebagai rektor IAIN Syarif Hidayatullah. Beliau meninggal dunia di Jakarta pada 18 September 1998. Antara karya penulisan beliau adalah *Akal dan Wahyu dalam Islam* (1981), *Filsafat Agama* (1973), *Islam Rasional* (1995) dan *Sejarah Pemikiran dan Gerakan* (1975). Rujuk Wikipedia, diurl: https://id.wikipedia.org/wiki/Harun_Nasution. 17 Mac 2017.

penyakit dan kemaksiatan. Manakala S.M. Nuquib al-Attas¹¹ pula berpandangan perkataan “*din*” mempunyai kata dasar yang banyak sehingga kelihatan seolah-olah bertentangan, tetapi semua makna dasar tersebut saling berkaitan. Beliau menyimpulkan bahawa terdapat empat makna-dasar iaitu [1] keadaan berhutang; [2] keadaan takluk menyerah diri; [3] kuasa dan daya menghukum; dan [4] bawaan kecenderungan yang sedia ada pada insan atau kebiasaan yang menjadi adat resam. (Hasan Muari, 1994; Usman Syihab, 2003). Al-Attas mengatakan lagi, dalam keadaan hal seseorang yang berhutang- yakni sebagai seorang *dain*- maka orang itu menaklik dirinya dengan erti kata menyerah dirinya kepada kehendak hukum dan undang-undang mengenai perkara hutang dan perhutangan serta mematuhi segala peraturan hukum dan undang-undang itu (Hasan Muari, 1994; Usman Syihab, 2003).

Dalam konteks hadith, *al-Din* disebutkan sebagai nasihat (memberi peringatan kepada manusia). Daripada Tamim al-Dari RA bahawa Nabi SAW bersabda:

الدِّينُ النَّصِيحَةُ قُلْنَا لِمَنْ قَالَ لِلَّهِ وَلِكِتَابِهِ وَلِرَسُولِهِ وَلَا لِمَا أَمَرَ الْمُسْلِمِينَ وَعَمَّا تَمَّتْهُمْ

(Hadith riwayat Muslim, Kitab *al-Iman*, Bab *Bayan 'an al-Din al-Nasihah*, no. hadith 205).

¹¹ Syed Muhammad Naquib al-Attas dilahirkan pada 5 September 1931 di Bogor, Indonesia. Beliau adalah seorang ahli falsafah Islam kontemporari dan pemikir dari Malaysia. Beliau menguasai ilmu teologi, metafizik, sejarah dan kesusasteraan. Beliau juga banyak menghasilkan pelbagai jenis buku dalam pemikiran dan peradaban Islam. Beliau pernah menerima anugerah Tokoh Melayu Terbilang yang disampaikan pada majlis sambutan ulang tahun ke-65 UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra. Anugerah disampaikan oleh Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak. Pada 21 Jun 2012, Syed Muhammad Naquib al-Attas dilantik sebagai profesor pelawat terhormat di Pusat Kajian Lanjutan mengenai Islam, Sains dan Tamadun (CASIS) Universiti Teknologi Malaysia (UTM). CASIS adalah sebuah pusat kecemerlangan yang baru ditubuhkan di tahap pasca siswazah di UTM Jalan Semarak, Kuala Lumpur. Rujuk Wikipedia” https://ms.wikipedia.org/wiki/Syed_Muhammad_Naquib_al-Attas. 17 Mac 2017.

Terjemahan:

“*Al-Din Nasihah* (Agama itu nasihat atau peringatan). Para sahabat bertanya: “*Ya Rasulallah, bagi siapa?*” Baginda menjelaskan: “*Bagi Allah dan kitab-Nya, bagi Rasul-Nya dan bagi para pemimpin Muslimin dan bagi seluruh Muslimin.*” (Muslim, 1374H)

Kemudian, dalam kenyataan Rahmat Kamaruddin¹², apabila disebutkan dengan ungkapan “*Din Allah*”, maka ia menunjukkan bahawa agama itu dari Allah. Apabila disebutkan “*Din al-Nabi*”, iaitu dirujuk Nabi sebagai yang melahirkan dan menyebarkannya, serta istilah “*Din al-Ummah*” dipandang manusia sebagai wajib untuk memeluknya dan melaksanakannya. Jadi, *al-Din* juga dirujuk sebagai *al-shari`ah* iaitu segala peraturan dan hukum yang disyariatkan oleh Allah segala lengkap atau berasaskan prinsipnya sahaja yang dibezakan di mana orang Islam melaksanakannya dalam mengikat hubungan mereka dengan Allah dan sesama manusia (Rahmat Kamaruddin, 2012).

Dari sudut terminologi, Usman Syihab (2003: 86) menyifatkan bahawa dalam keterangan para sarjana, tiada adalah pendefinisian yang khusus terhadap istilah agama melainkan lebih kepada usaha para ahli akademik untuk memberikan pengertian agama dengan mendeskripsikan gejala-gejala atau tanda-tanda yang menunjukkan adanya agama dalam kehidupan manusia lalu dibuat kesimpulan. Dengan itu, yang dipelajari adalah perilaku kehidupan yang nampak dan boleh diamati, sedangkan pengamalan keagamaan bersifat subjektif yang tidak dipelajari.

Menurut Harun Nasution (1974:10), agama boleh didefinisikan kepada pendefinisian berikut: [1] Pengakuan terhadap adanya hubungan dengan manusia dengan kekuatan ghaib yang harus dipatuhi. [2] Pengakuan terhadap adanya kekuatan ghaib yang menguasai manusia. [3] Mengikat diri pada suatu bentuk hidup yang

¹² Beliau adalah seorang blogger dan mahasiswa di UIN Syarif Hidayatullah Jakarta tahun 2010 di Fakulti Usuluddin, Jabatan Pemikiran dan Falsafah.

mengandung pengakuan pada suatu sumber yang berada di luar diri manusia dan yang mempengaruhi perbuatan-perbuatan manusia. [4] Kepercayaan pada suatu kekuatan ghaib yang menimbulkan cara hidup tertentu. [5] Suatu sistem tingkah laku (*code of conduct*) yang berasal dari sesuatu kekuatan ghaib. [6] Pengakuan terhadap adanya kewajiban-kewajiban yang diyakini bersumberkan pada sesuatu kekuatan ghaib. [7] Pemujaan terhadap kekuatan ghaib yang timbul daripada perasaan lemah dan perasaan takut terhadap kekuatan mistik yang terdapat dalam alam sekitar manusia. [8] Ajaran-ajaran yang diwahyukan Tuhan kepada manusia melalui seorang Rasul. (Harun Nasution, 1974; Usman Syihab, 2003). Hal ini sebahagian turut disebutkan oleh Bustanuddin Agus (2006: 45-48) dalam menyebutkan tentang agama dalam kehidupan manusia. Cumanya, beliau cenderung untuk melihat agama dari perspektif antropologi yakni melihat agama dari perspektif ilmu tentang manusia.

Manakala dalam kalangan sarjana Barat, Muhammad Abu Daraz (t.t) dalam bukunya ada memetik beberapa pandangan daripada mereka. Demikian juga, tafsiran dan pengertian agama dalam kalangan sarjana Barat juga dalam pelbagai ragam makna. Immanuel Kant (1724-1804) mengatakan agama adalah sentimen perasaan terhadap kewajiban kerana ia merupakan perintah-perintah Tuhan. Max Muller (1823-1900) pula menyebutkan bahawa agama adalah suatu usaha untuk membayangkan sesuatu yang tidak mungkin dikatakan ia adalah suatu usaha untuk melihat kepada yang tidak terbatas dan ia adalah cinta Tuhan. Herbert Spencer (1829-1903) pula menyatakan bahawa agama adalah keyakinan kepada sesuatu kekuatan yang tidak mungkin dapat dibayangkannya secara tempat mahupun masa. Kemudian, E.B. Taylor (1832-1917) pula berpandangan, agama adalah keyakinan terhadap kewujudan yang bersifat rohani (spritual) Akhir sekali, Emile Durkheim (1858-1917) pula mengatakan agama adalah kumpulan sistem keyakinan dan amalan yang berkaitan dengan sesuatu yang suci, yang bersifat tabu, keyakinan-keyakinan dan amalan-amalan yang menyatukan para pengikutnya dalam satu kesatuan moral yang dinamakan agama (Abu Daraz, t.t).

Daripada keseluruhan pandangan yang dikemukakan, dapat difahami bahawa agama terkait rapat dengan kepercayaan dan keyakinan terhadap sesuatu kekuatan yang bersifat ghaib atau mistik atau luar biasa yang direalisasikan melalui pelbagai bentuk tindakan dan amalan sebagai tanda keberadaan agama dalam diri seseorang itu. Dengan kata lain, manifestasi beragama itu ditonjolkan dengan pelbagai cara dan bentuk berasaskan kepada kepercayaan dan keyakinan tersebut. Sebagai contoh, orang Islam menunjukkan keberadaan agama dalam diri melalui pelbagai bentuk ibadah yang diwajibkan ke atas mereka. Demikian, juga bagi agama lain seperti Hindu, Buddha, Kristian dan sebagainya.

Oleh yang demikian, apabila digabungkan ungkapan “fanatik” dan “agama”, maka boleh dimaksudkan bahawa tindakan luar batasan atau berlebihan daripada had biasa yang ditetapkan dalam konteks seseorang itu menzahirkan agamanya. Maka, bagi orang Islam seorang yang melampaui apa yang telah ditetapkan dalam syariat yang dibawa oleh Nabi SAW itu dikatakan sebagai fanatik dalam beragama sekalipun pada zahirnya menampakkan sesuatu yang baik. Contohnya, seseorang yang berkahwin lebih daripada 4 orang isteri dalam satu masa, dikatakan sebagai melampaui syariat atau mengambil sikap untuk tidak mahu berkahwin langsung seumur hidup, itu juga dikatakan sebagai fanatik beragama atau melampau dalam beragama. Justeru dalam memahami fanatik beragama, ia merujuk kepada suatu sikap berlebihan dalam kalangan orang Islam yang mempertahankan segala pandangan dan pemahaman mereka terhadap kepercayaan mereka tentang Islam. Pandangan dan pemahaman itu sukar untuk dibetulkan atau diubah serta segala tindakan mereka mengikut apa yang dipegang dan dipercayai. Bahkan, boleh dikatakan bahawa sikap fanatik ini termasuk dalam sikap ekstrem beragama.

3. Skop Dan Metodologi Kajian

Artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti hadith yang berkaitan dengan istilah fanatik dalam beragama dan mensyarahkan hadith-

hadith tersebut sehingga dapat dikeluarkan satu kefahaman yang menyeluruh tentang maksud fanatik beragama. Analisis dijalankan menggunakan metode deduktif dan induktif sehingga data-data yang bersifat umum dilakukan kesimpulan yang khusus serta data-data yang bersifat umum dihuraikan sehingga dapat dilakukan kesimpulan secara kolektif berasaskan rujukan terhadap karya-karya syarah hadith dengan tambahan kepada rujukan yang berkaitan dengan tajuk perbincangan. Oleh yang demikian, fokus utama artikel ini adalah mengenal pasti hadith, mensyarahkan hadith berasaskan rujukan kepada karya-karya syarah dan mengaitkan perbincangan dengan realiti yang berlaku dalam kalangan masyarakat khususnya di Malaysia.

4. Isu-Isu Berkaitan Dengan Fanatik Dalam Beragama Dalam Kalangan Masyarakat Islam Di Malaysia

Realiti semasa kini, masyarakat Islam di Malaysia disogokkan dengan pelbagai aliran dan pandangan yang kadang kala mencetuskan pelbagai kontroversi dan perbalahan dalam kalangan anggota masyarakat khusus golongan agamawan. Buktinya, beberapa siri perdebatan diadakan bagi membincangkan pelbagai isu dengan mengetengahkan tokoh atau agamawan yang mempelopori idea atau mewakili aliran mazhab masing-masing. Antaranya *Forum Polemik Hadis & Kisah Popular Tapi Palsu*¹³ yang diadakan pada 12 Januari 2016 dan lain-lain lagi, *Forum Politik Takfiri Membawa Kemusnahan Ummah*¹⁴ yang diadakan pada 9 April 2016, *Forum Istilah Kafir Harbi - Masih Relevan atau Tidak?*¹⁵ yang dianjurkan Pertubuhan IKRAM

¹³ <https://www.youtube.com/watch?v=ZUJGXXhgTGQ>, (Diakses pada 1 September 2016).

¹⁴ <https://www.youtube.com/watch?v=92dwMYIypFM>, (Diakses pada 1 September 2016).

¹⁵ Boleh rujuk rakaman video di Youtube.com, di url: <https://www.youtube.com/watch?v=DFObSeE5aiA>, (Diakses pada 1 September 2016).

ini telah diadakan di Dewan Kuliah Pusat 3, USIM (Universiti Sains Islam Malaysia) pada 16 Julai 2016, *Forum 4 Mazhab Fekah*¹⁶ yang diadakan pada 30 Julai 2016, Forum Pindaan RUU355 "Wajarkah Bukan Islam Bimbang?" yang diadakan pada 13 Ogos 2016 bertempat di Mines 2 Crystal Ballroom, Mines Wellness City, Seri Kembangan, Selangor,¹⁷ *Forum Salah Faham Fatwa Ibn Taimiyyah Satu Penjelasan*¹⁸ yang diadakan pada 23 Ogos 2016, dan *Forum Jalan Sufi Sejati*¹⁹ yang diadakan pada 27 Ogos 2016.

Melalui penganjuran dan pelaksanaan forum sedemikian, jelas menunjukkan bahawa timbulnya pelbagai pandangan dan aliran sehingga memerlukan kepada perbincangan dalam bentuk forum bagi tujuan menjelaskan, menerangkan atau merungkai isu-isu semasa yang timbul dalam masyarakat. Tidak kurang ada segelintir agamawan yang mencabar pihak yang tidak sehaluan bagi tujuan berdebat mencari kata putus terhadap isu yang diketengahkan mereka. Ada yang menyahut dan ada yang menolak dengan alasan masing-masing. Cumanya, di pihak masyarakat memperlihatkan secara jelas bahawa kewujudan pelbagai aliran atau kumpulan yang masing-masing cuba untuk mempertahankan dan mendukung aliran yang disokong itu.

Suasana ini juga memperlihatkan bahawa realiti dalam masyarakat di Malaysia hari ini telah terdedah dengan pelbagai aliran dan masing-masing cuba untuk mempertahankan aliran atau kumpulan yang didukung itu. Justeru, lahirkan golongan yang taasub kepada mazhab atau aliran fiqh tertentu, cenderung kepada aliran akidah tertentu, menyokong secara melulu golongan yang dianggap sebagai

¹⁶ <https://www.youtube.com/watch?v=DtLnc0PEnrU>, (Diakses pada 1 September 2016).

¹⁷ https://www.youtube.com/watch?v=vl_sWNYi2Po, (Diakses pada 1 September 2016).

¹⁸ <https://www.youtube.com/watch?v=vS7rxs4Y9XI>, (Diakses pada 1 September 2016).

¹⁹ <https://www.youtube.com/watch?v=D19E2HaDXrM>, (Diakses pada 1 September 2016).

pembawa idea perubahan, dan pelbagai aliran dan kumpulan lagi yang hadir dengan idea pemikiran dan pemahaman masing-masing.

Menurut Charles S. Liebman (1983: 75-86), golongan ekstremis (pelampau) agama dalam masyarakat semasa kini, pergerakan dan tindakan mereka boleh di agak sekalipun bukan mudah untuk mengenal pasti golongan ini. Cuma, peranan para ulama perlu dalam menentukan atau menggariskan ciri-ciri golongan pelampau ini supaya tindakan dapat dilakukan. (Charles, 1983). Walau bagaimanapun, golongan ini sudah semakin berleluasa dan ke hadapan dalam masyarakat sehingga tidak takut untuk tampil dengan pegangan mereka.

Oleh yang demikian, secara umumnya di Malaysia didapati bahawa sikap fanatik beragama dalam kalangan masyarakat boleh dilihat dari beberapa aspek berikut:

4.1 Sikap Fanatik Dalam Bermazhab

Sebagai umat Islam, wajib untuk menghormati imam-imam fikah dan akidah daripada mana-mana aliran mazhab Islam yang muktabar sama ada yang menjadi pegangan mahupun tidak. Hal ini kerana sikap fanatik dan menyesatkan aliran mazhab fikah dan akidah yang lain adalah suatu sikap yang fanatik dan melampau batas serta mencanggahi syarak. Sedangkan bermazhab dalam fikah bukanlah satu kesalahan. Bahkan, imam-imam mazhab yang mulia seperti para imam yang empat sendiri melarang sikap fanatik mazhab.

Di Malaysia sebagai contohnya, ada pandangan yang dikeluarkan oleh seseorang yang mengharamkan penggunaan rujukan hasil tulisan daripada Sheikh al-Islam Ibn Taimiyyah atas dasar pandangannya itu banyak mendorong kepada sikap ekstremis dalam kalangan masyarakat di Malaysia atau terlibat dengan golongan Islamic State (IS). (Malaysiakini, 2017). Sehingga mereka meletakkan bahawa perlu hanya bergantung kepada aliran *Ahl Sunnah wa al-Jama`ah* sahaja. Sedangkan, sikap taasub sehingga berusaha mengenepi pandangan orang lain ini amatlah tidak wajar kerana dalam

konteks ilmu, amat digalakkan untuk mengemukakan banyak pandangan supaya dapat mengeluarkan pandangan yang lebih baik untuk manfaat bersama. Keterangan ini sesuai dengan pendapat Muhammad Kamil Ab. Majid (2003: 28) yang menyebutkan bahawa keadaan akan menjadi lebih buruk apabila wujud keinginan untuk mewajibkan sesuatu pendapat ke atas pihak lain secara kekerasan. Antaranya dengan menuduh dan mengutuk orang lain melakukan bid'ah, menurut hawa nafsu, kufur dan keluar dari agama. Sebenarnya keganasan pemikiran ini adalah yang dahsyat sekali.

Menurut Prof. Madya Dr. Mohd Asri Zainul Abidin²⁰ taasub mazhab adalah satu ancaman terhadap perkembangan minda umat ini ke arah yang lebih positif dan berdaya saing. Taasub menyebabkan pemikiran seseorang menjadi sempit, beku, tidak adil dalam membuat penilaian dan tidak mampu mencetuskan idea-idea baharu yang lebih segar. Menurutnya lagi, Prof. Dr. Muhammad Raft 'Uthman yang menyatakan taasub mazhab adalah sesuatu yang dibenci dan dilarang di sisi syarak. Ini kerana maksud taasub mazhab ialah seseorang beriltizam dengan pendapat tertentu dalam masalah syarak dan enggan berubah, sedangkan dalam masa yang sama antara dirinya dengan Allah SWT, dia sedar pendapat tersebut tidak sah, atau lemah, dan mazhab lain, atau ahli fikah lain telah memberikan pendapat yang sah. Namun, dia meninggalkan pendapat yang sah tersebut dan mempertahankan pendapat yang lemah lagi bertentangan dengan yang sah. Ini sikap yang dikecam di sisi syarak, kerana seseorang itu wajib beramal dengan apa yang dia yakin benar dari segi dalil dan kesahihannya (Mohd Asri, 2015).

²⁰ Beliau dilahirkan pada 1 Januari 1971 di Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Beliau adalah seorang Prof. Madya Bahagian Pengajian Islam, Pengkhususan Hadith. Jawatan tetap adalah sebagai pensyarah di Universiti Sains Malaysia (USM). Pernah menjawat jawatan sebagai Mufti Kerajaan Negeri Perlis, yang dipinjamkan dari Universiti Sains Malaysia dari 1 Nov 2006 – 30 Nov 2008. Kemudian, menjadi Fellow OCIS, Oxford University, Oxford (2011-2012). Pada masa yang sama juga merupakan hli Majlis Agama Islam Perlis (MAIPs). Sehingga hari ini, beliau masih memegang jawatan sebagai Mufti Kerajaan Negeri Perlis. Rujuk: http://drmaza.com/home/?page_id=585. 17 Mac 2017.

Seseorang tidak boleh berpegang dengan sesuatu pandangan sedangkan dia tahu pandangan itu lemah, atau tidak sah. Sejarah Islam tidak sunyi dari golongan yang mengikut mazhab tertentu secara taasub yang hampir berlawanan dengan pemikiran Islam yang sah. Umpamanya salah seorang ahli fikah mazhab Hanafi, iaitu al-Karkhi²¹ menyebut: “*Setiap nas yang mencangahi mazhab kita, maka nas tersebut sama ada ditakwilkan, atau dimansuhkan*”. Majoriti terbesar ulama umat ini tidak bersetuju dengan cara yang seperti ini, yang tidak boleh dianggap betul dari segi ilmiah. Pendapat ini membawa tuannya ke peringkat menyucikan para imam sedangkan mereka sendiri tidak sampai ke peringkat sebegitu” (Mohd Asri, 2015).

Sesungguhnya tiada dalil syarak yang mewajibkan *muqallid* beriltizam secara berterusan dalam taklidnya kepada sesuatu mazhab fikah. Tiada pula dalil yang menegahinya untuk bertukar dari mazhabnya ke mazhab yang lain. Telah ijmak kaum Muslimin bahawa *muqallid* boleh mengikut mana-mana mujtahid yang dia mahu sekiranya telah sampai kepadanya mazhab atau pandangan mereka yang sebenar. Umpamanya, dia boleh mengikut setiap hari imam yang berbeza-beza dari mazhab yang empat. Sekalipun muncul pada zaman yang akhir ini mereka yang mencela *muqallid* bertukar mazhab, namun itu merupakan taasub yang dimurkai syarak dan batil dengan sepakat kaum Muslimin (Mohd Asri, 2015).

Oleh yang demikian, sikap taasub kepada mazhab ini perlulah bebas dalam diri dan ianya tuntutan syarak. Taasub hanya membelenggu pemikiran dan menghapuskan kebebasan minda dan nilai-nilai kreatif dalam merumuskan sesuatu pendapat. Taasub mazhab juga menyebabkan seseorang menolak kebenaran dan ianya penting sebagai tuntutan dalam kehidupan. Pemahaman yang kuat tentang sikap ekstrem atau fanatik dan taasub ini perlu untuk menjadikan kehidupan masyarakat Islam kembali hidup aman

²¹ Beliau adalah Abu al-Hasan al-Karkhi (w. 340 H) seorang ulama faqih bermazhab al-Hanafi, penulis kitab al-Usul. Beliau dikenali sebagai seorang mujtahid dalam pelbagai cabang usul dan masalah atau *al-Mujtahidin fi al-Masa'il*.

sejahtera tanpa ada pihak yang berlebih-lebihan bahkan segalanya berada dalam kesederhanaan.

4.2 Sikap Taasub Dalam Beragama

Terdapat hubungan yang kuat antara agama dan sikap fanatik atau ekstremis. Untuk memahami bagaimana seseorang individu atau kumpulan yang terlibat dengan fanatik agama itu boleh terlibat melakukan kerja syaitan dengan menggunakan nama Tuhan, boleh difahami dari perspektif sosiologi bagaimana imaginasi agama diguna pakai oleh kumpulan agama, kepimpinan dan pengikut-pengikut untuk membentuk set minda mereka (Mansor, 2005)

Seseorang yang fanatik atau kumpulan yang menyokong ekstremisme agama sudah pasti akan melakukan apa sahaja sekiranya mereka mendapati apa yang mereka lakukan itu direstui atau terdapat dalam perintah Tuhan dan agama. Pada masa itu mereka dan kumpulan mereka adalah sebagai wakil dan jalan bagi Tuhan untuk melaksanakan perintah-Nya di muka bumi ini. Segala tindakan mereka tidak mengira kesan negatif bahkan mereka meyakini akan diberi ganjaran di akhirat dan jika mereka mati, Syurga dan bidadari akan menunggu mereka. Konsep menjadikan orang lain sebagai mangsa sudah tidak wujud lagi dan hanya keuntungan yang mereka kira pasti akan diperolehi (Mansor, 2005). Terdapat beberapa kejadian yang berlaku berhubung dengan fanatik agama di dalam negara ini dan pernah berlaku. Antaranya, sembahyang dua imam atas dasar perbezaan parti politik yang disokong, kafir mengkafirkan dalam pelbagai isu, memulaukan kenduri atas pelbagai alasan, dan kewujudan kumpulan yang dilabelkan sebagai ekstrem seperti Kumpulan Mujahidin Malaysia (KMM) dan al-Maunah.

Boleh dikatakan bahawa, golongan ini sebenarnya terpengaruh dengan amanat yang telah disampaikan oleh Tuan Guru mereka sehingga mereka sanggup mengkafirkan orang lain dan tidak mahu solat berimamkan mereka yang bukan dari golongan mereka. Selain itu, kenduri yang diadakan oleh kumpulan yang bertentangan dengan

fahaman mereka tidak akan mereka hadiri (Md. Shukri, 2007) Kebanyakan fanatik dalam beragama ini boleh dikatakan melibatkan soal ibadah. Perkara ini juga dapat difahami sebagai ajaran sesat yang begitu banyak dalam masyarakat pada hari ini. Ajaran sebegini dianggap salah dan berlebihan kerana tiada nas dan dalil tentangnya. Akibat daripada sikap fanatik seperti ini akidah dan ibadah Islam tercemar dan masyarakat umum menjadi terkeliru tentang Islam yang sebenar. Sebagai contoh *ghuluw* dalam aspek zikir menari yang dilakukan oleh ahli tarikat dan golongan sufiyah (Mushaddad, 2013)

Md. Shukri Shuib (2007) dalam tulisan beliau, telah memetik pandangan Datuk Hj. Mohd Nakhaei Hj. Ahmad yang menyatakan bahawa ekstreme berbahaya dalam pemikiran atau tindakan yang mana bahana ekstremis atau fanatik dapat dilihat kepada skop pemikiran golongan tersebut iaitu menerusi sikap taasub, di mana mereka terlalu taasub kepada satu-satu pendapat sehingga tidak mahu langsung menerima pendapat orang lain dan seolah-olah tidak ada satu pun pendapat lain yang boleh diguna pakai. Pegangan mereka juga tidak berdasarkan kepada bukti dan kebenaran, sebaliknya taasub kumpulan dan puak (Md. Shukri, 2007). Prof. Dr. Yusuf al-Qardawi menyatakan terdapat enam tanda pelampau agama atau mereka yang berfahaman ekstreme, jumud serta sempit, radikal serta sanggup bertindak ganas iaitu: [1] taasub dengan pendapat tertentu; [2] suka mengerjakan yang susah; [3] melampau yang tidak kena dengan tempatnya; [4] keras dan ganas; [5] sangkaan buruk dengan orang lain; dan [6] kecenderungan kafir mengkafirkan (Md. Shukri, 2007).

Md. Shukri Shuib (2007) turut memetik pandangan Prof Dr. Ahmad Kamal Abu al-Magd yang telah menyenaraikan lima sebab kepada kelahiran pelampau agama iaitu, [1] memahami al-Quran dan hadith dengan cara yang sempit; [2] pengambilan ilmu dari ceramah umum; [3] taat membuta tuli; [4] memencilkan diri dari masyarakat; dan [5] penyalahgunaan pendapat (Md. Shukri, 2007).

Oleh yang demikian, daripada sebab-sebab kelahiran ekstremis agama ini dapat disimpulkan untuk mengetahui hubungan agama dan keganasan adalah dengan fahaman yang salah dan terkeluar daripada

ajaran Islam yang sebenar dan sikap yang melampau dan daripada sikap ini menjadikan titik permulaan kepada satu permasalahan yang cukup besar dalam agama. Dan dengan penerangan ini, pentingnya kefahaman tentang ekstremee ini kerana ianya bersifat mudah menular dalam masyarakat apatah lagi ciri-cirinya sangat dekat dengan sikap masyarakat Islam tambahan lagi dengan kurangnya kefahaman terhadap al-Quran dan al-Sunnah.

4.3 Mengadakan Sesuatu Ibadah yang Baru dalam Agama

Fanatik dalam konteks mengadakan sesuatu ibadah baru dalam agama boleh juga dikaitkan dengan bid'ah. Bid'ah boleh difahami sebagai mengadakan sesuatu yang baru dalam agama dan fanatik pula bermaksud melakukan sesuatu dengan melampau batas. (Jawiah, 2010). Kedua-dua ini membawa maksud sesuatu yang baru atau perkara yang diada-adakan dan dilakukan tanpa dalil yang jelas dan berlebih-lebihan. Allah SWT telah berfirman di dalam surah al-'Araf (7) ayat 33:

فُلْ إِنَّمَا حَرَّمَ رَبِّي الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ ۖ وَالْإِثْمَ وَالْبَغْيَ بِغَيْرِ الْحَقِّ وَأَنْ تُشْرِكُوا بِاللَّهِ مَا لَمْ يُنَزَّلْ بِهِ سُلْطَانًا ۚ وَأَنْ تَقُولُوا عَلَى اللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ

Terjemahan:

Katakanlah: "Sesungguhnya Tuhanku hanya mengharamkan perbuatan-perbuatan yang keji, sama ada yang nyata atau yang tersembunyi; dan perbuatan dosa; dan perbuatan menceroboh dengan tidak ada alasan yang benar; dan (diharamkanNya) kamu mempersekutukan sesuatu dengan Allah sedang Allah tidak menurunkan sebarang bukti (yang membenarkannya); dan (diharamkanNya) kamu memperkatakan terhadap Allah sesuatu yang kamu tidak mengetahuinya.

Memperkatakan urusan agama tanpa ilmu adalah dusta dan haram kerana ia adalah permainan dan perangkap syaitan. Firman Allah SWT pada surah al-An'am (6) ayat 144:

فَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنْ افْتَرَىٰ عَلَى اللَّهِ كَذِبًا لِيُضِلَّ النَّاسَ بِغَيْرِ عِلْمٍ ۗ إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ
الظَّالِمِينَ

Terjemahan:

Oleh itu, siapakah yang lebih zalim daripada orang yang berdusta terhadap Allah untuk menyesatkan manusia dengan tidak berdasarkan ilmu pengetahuan? Sesungguhnya Allah tidak memberi petunjuk kepada kaum yang zalim.

Antara contoh amalan yang dilabelkan atau didakwa sebagai bid'ah dan sering diamalkan dalam masyarakat di Malaysia pada hari ini ialah kenduri arwah, bacaan tahlil kepada si mati, membaca talqin untuk si mati, membaca Yasin dalam kenduri, dan sebagainya. Dalam urusan jenazah contohnya, masyarakat dari kalangan ahli keluarga akan mengupah pembaca al-Quran untuk membacanya kepada arwah si mati pada malam pertama kematian, kedua dan ketiga, hari ke-40, satu tahun dan seterusnya. (Basmeih, 2011)

Selain daripada itu, ekstrem dalam perkara ini boleh juga dikatakan seperti ekstrem dalam soal makanan, minuman dan perkhidmatan. Gejala seperti ini terdapat dalam tafsiran yang melampau tentang halal haram makanan dan perkhidmatan di Malaysia pada hari ini. Iaitu golongan yang sekadar menggunakan andaian dan persepsi semata-mata untuk mengatakan haram mana-mana makanan atau perkhidmatan atas anggapan bahawa sesuatu itu benar-benar haram atau meragukan oleh sebab percampuran antara halal dengan haram. (Mushaddad, 2013).

Antara contohnya termasuklah kenyataan oleh sesetengah badan bukan kerajaan seperti persatuan pengguna yang banyak memperkatakan makanan, minuman dan perkhidmatan yang dianggap sebagai haram tanpa alasan yang kukuh. Sebagai akibatnya, timbul

perasaan ragu-ragu dalam kalangan pengguna awam Islam terhadap status hukum barang berkenaan dan menyusahkan orang ramai untuk berurusan. Seharusnya dalam perkara ini perlulah merujuk kepada badan yang bertanggungjawab sepenuhnya seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia untuk menentukan status halal haram makanan bukannya hanya mendengar daripada persatuan pengguna sahaja.

Selain daripada itu, telah tersebar dakwaan di dalam media sosial mengenai makanan yang mengandungi “kod E” adalah makanan yang mengandungi unsur khinzir. Pihak JAKIM telah mengeluarkan satu kenyataan rasmi berhubung dengan perkara ini. Menurutnya, KOD E ialah kod untuk bahan tambah (aditif) dan ianya selalu digunakan pada label makanan di negara Kesatuan Eropah. Bahan aditif ialah bahan yang selamat dimakan dan ditambah secara sengaja ke dalam makanan dan kuantiti yang sedikit bagi mempengaruhi kualiti penyimpanan, pemprosesan, penyediaan dan pembungkusan makanan. Tidak semua huruf E yang digunakan untuk membuat sesuatu produk makanan berasaskan dari sumber yang haram. Bahan-bahan aditif ini boleh bersumberkan tumbuhan, sintetik, mikrob, kimia dan haiwan (Othman, 2014).

Tindakan seperti cepat menghukum status halal haram sesuatu makanan atau perkhidmatan seperti ini di anggap sangat keterlaluan dan boleh dikategorikan sebagai mengada-adakan sesuatu dalam agama. Hal ini demikian kerana, sesungguhnya sesuatu perkara itu perlulah diselidiki dan ditanya oleh pihak yang arif tentangnya.

Isu semasa seperti ini sangat dekat dengan kehidupan masyarakat Islam di Malaysia pada hari ini. Oleh yang demikian pentingnya masyarakat memahami sumber perundangan Islam yang utama iaitu al-Quran dan al-Sunnah supaya perkara sebegini tidak kelihatan berat dalam kaca kehidupan seharian masyarakat sedangkan Islam sebenarnya bersifat mudah dan toleransi.

4.4 Hadith Berkaitan Dengan Fanatik Beragama

Berdasarkan kepada rujukan terhadap *al-Kutub al-Sittah* (*Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Abu Dawud, Jami` al-Tirmidhi, Sunan al-Nasa'i dan Sunan Ibn Majah*), didapati bahawa terhadap 19 hadith yang dapat dikaitkan dengan istilah fanatik beragama yang dimaksudkan dalam artikel ini. Walaupun demikian, daripada keseluruhan 19 hadith itu, lebih banyak menjelaskan tentang bentuk-bentuk fanatik atau ekstrem yang berlaku dalam masyarakat Islam. Rujuk kepada jadual yang menjelaskan tentang hadith-hadith fanatik beragama dalam *al-Kutub al-Sittah* berserta dengan tema-tema bagi hadith tersebut.

Jadual 1. Taburan Hadith Berkaitan Fanatik Beragama (Ekstrem atau *al-Ghuluw*) Dalam *al-Kutub al-Sittah*

Bil./ Tema	Atraf Hadith (Berkaitan Dengan <i>al-Ghuluw</i>) & Temanya	Sumber Hadith & Bilangan Hadith					
TEMA I	<i>Larangan Melampaui Batas, Extreme atau Memberatkan Sesuatu</i>	SB	SM	JT	SAD	SN	SIM
1.	هَلَكَ الْمُتَنَطِّعُونَ قَالَهَا ثَلَاثًا	-	1	-	1	-	-
2.	هُيِّنَا عَنِ التَّكْلِيفِ	1	-	-	-	-	-
3.	وَإِيَّاكُمْ وَالْعُلُوَّ فِي الدِّينِ فَإِنَّمَا أَهْلَكَ مَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ الْعُلُوَّ فِي الدِّينِ	-	-	-	-	1	1
TEMA II	<i>Larangan Bersikap Ghuluw Kerana Menyalahi Fitrah Dalam Beribadah</i>	SB	SM	JT	SAD	SN	SIM
4.	جَاءَ ثَلَاثَةٌ رَهْطٍ إِلَى بُيُوتِ أَزْوَاجِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَسْأَلُونَ عَنْ عِبَادَةِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ	1	1	-	-	1	-
5.	مَنْ شَهِدَ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا	1	-	-	-	-	-

شَرِيكَ لَهُ، وَأَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، وَأَنَّ
عِيسَى عَبْدُ اللَّهِ وَرَسُولُهُ، وَكَلِمَتُهُ أَلْفَاها
إِلَى مَرْيَمَ وَرُوحٌ مِنْهُ، وَالْجَنَّةُ حَقٌّ، وَالنَّارُ
حَقٌّ، أَدْخَلَهُ اللَّهُ الْجَنَّةَ عَلَى مَا كَانَ مِنَ
الْعَمَلِ.

TEMA III	Larangan Bersikap Taasub Kepada Suatu Kumpulan atau Mengajak Kepadanya	SB	SM	JT	SAD	SN	SIM
6.	مَنْ خَرَجَ مِنَ الطَّاعَةِ، وَفَارَقَ الْجُمَاعَةَ فَمَاتَ، مَاتَ مِيتَةً جَاهِلِيَّةً، وَمَنْ قَاتَلَ تَحْتَ رَايَةٍ عَمِيَّةٍ يَعْصِبُ لِعَصْبَةٍ، أَوْ يَدْعُو إِلَى عَصْبَةٍ، أَوْ يَنْصُرُ عَصْبَةً،	-	٢	-	-	١	-
TEMA IV	Larangan Solat Sunat Berlebihan & Ibadah Fardu Sebagai Had Minimum dalam Ibadah Solat	SB	SM	JT	SAD	SN	SIM
7.	دَخَلَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَإِذَا حَبْلٌ مَمْدُودٌ بَيْنَ السَّارِيَتَيْنِ فَقَالَ : مَا هَذَا الْحَبْلُ؟	1	1	-	1	1	1
8.	عَلَيْكُمْ مَا تُطِئْتُمُونَ مِنَ الْأَعْمَالِ، فَإِنَّ اللَّهَ لَا يَمَلُّ حَتَّى تَمَلُّوا	2	-	-	-	-	-
9.	مَا زَالَ بِكُمْ الَّذِي رَأَيْتُمْ مِنْ صَنِيعِكُمْ حَتَّى خَشِيتُمْ أَنْ يُكْتَبَ عَلَيْكُمْ، وَلَوْ كُتِبَ عَلَيْكُمْ مَا قُضِيتُمْ بِهِ،	2	-	-	-	-	-
10.	إِنْ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَيَدْعُ الْعَمَلَ وَهُوَ يُجِبُّ أَنْ يَعْمَلَ بِهِ	1	-	-	-	-	-

خَشِيَّةٌ أَنْ يَعْْمَلَ بِهِ النَّاسُ فَيُفْرَضَ عَلَيْهِمْ.

TEMA V	Larangan Berpuasa atau Menyambung Puasa Sehingga Membebaskan Diri serta Ibadah Puasa Sunat Nabi Dawud AS adalah Had Maksimum Dalam Ibadah Puasa	SB	SM	JT	SAD	SN	SIM
11.	نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الْوَصَالِ فِي الصَّوْمِ،	1	-	-	-	-	-
12.	أُخْبِرَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنِّي أَقُولُ وَاللَّهِ لَا صَوْمَ النَّهَارِ وَلَا قَوْمَ اللَّيْلِ مَ عَشْتُ، فَقُلْتُ لَهُ : قَدْ قُلْتُهُ بِأَبِي أَنْتَ وَأُمِّي . قَالَ : فَإِنَّكَ لَا تَسْتَطِيعُ ذَلِكَ فَصُمْ وَأَفْطِرْ، وَفُمْ وَتَمَّ، وَصُمْ مِنَ الشَّهْرِ ثَلَاثَةَ أَيَّامٍ،	1	-	-	-	-	-
13.	لَيْسَ الْبِرُّ أَنْ تَصُومُوا فِي السَّعْرِ	1	1	1	1	1	1
14.	فَصُمْ صَوْمَ دَاوُدَ عَلَيْهِ السَّلَامُ، كَانَ يَصُومُ يَوْمًا وَيُفْطِرُ يَوْمًا وَلَا يَنْفِرُ إِذَا لَأَقَى	٦	٦	-	١	٩	١
TEMA VI	Larangan Berdoa Secara Paksa Atau Berlebihan	SB	SM	JT	SAD	SN	SIM
15.	سَيَكُونُ فِي هَذِهِ الْأُمَّةِ قَوْمٌ يَعْتَدُونَ فِي الطُّهُورِ وَالِدُّعَاءِ	-	-	-	1	-	1
16.	لَنْ يُدْخَلَ أَحَدًا عَمَلُهُ الْجَنَّةَ» قَالُوا: وَلَا أَنْتَ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ: " لَا، وَلَا أَنَا، إِلَّا أَنْ يَتَّعَمَدَنِي اللَّهُ بِفَضْلِ وَرَحْمَةٍ،	1	-	-	-	-	-

فَسَدُّدُوا وَقَارِبُوا، وَلَا يَتَمَتَّعْنَ أَحَدُكُمْ
الموت

TEMA VII	Larangan Memuji Nabi Berlebihan	SB	SM	JT	SAD	SN	SIM
17.	لَا تُطْرُونِي كَمَا أَطْرَتِ النَّصَارَى ابْنَ مَرْيَمَ فَإِنَّمَا أَنَا عَبْدُ اللَّهِ فَعُولُوا عَبْدُ اللَّهِ وَرَسُولُهُ	2	-	-	-	-	-
TEMA VIII	Larangan Mengada-adakan Sesuatu Baharu Berkaitan Agama	SB	SM	JT	SAD	SN	SIM
18.	مَنْ أَحَدَثَ فِي أَمْرِنَا هَذَا مَا لَيْسَ مِنْهُ فَهُوَ رَدٌّ.	1	1	-	1	-	1
TEMA IX	Agama Tidak Memberatkan/ Membebaskan	SB	SM	JT	SAD	SN	SIM
19.	إِنَّ الدَّيْنَ يُسْرٌ، وَلَنْ يُشَادَّ الدَّيْنَ أَحَدٌ إِلَّا غَلْبَهُ،	2	-	-	-	1	-

SB: Sahih al-Bukhari; SM: Sahih Muslim; JM: Jami` al-Tirmidhi; SAD: Sunan Abu Dawud, SN: Sunan al-Nasa'i; SIM: Sunan Ibn Majah

Sumber: Hasil Analisis Daripada *al-Kutub al-Sittah*

Merujuk kepada tema yang diletakkan, perbincangan dalam artikel ini hanya memberi fokus kepada hadith yang berkaitan dengan fanatik beragama dari sudut teori dan pemahaman secara umum dalam perbincangan hadith. Artikel ini tidak memfokuskan kepada bentuk-bentuk fanatik beragama kerana akan dihuraikan dalam perbincangan yang lain bagi mengelak daripada perbincangan yang terlalu panjang. Daripada jadual tema yang dijadikan perbincangan adalah tiga tema sahaja iaitu Tema I: Larangan Melampaui Batas, Ekstrem atau Memberatkan Sesuatu, Tema VIII: Larangan Mengada-adakan Sesuatu Baharu Berkaitan Agama dan Tema IX: Agama Tidak Memberatkan/ Membebaskan. Daripada ketiga-tiga tema tersebut, terdapat lima (5) hadith yang menjadi asas perbincangan berkaitan dengan fanatik beragama dari sudut landasan teori dan pemahaman berkaitan

dengannya. Seperti yang dimaklumi, fanatik beragama juga merujuk kepada sikap melampau dalam beragama, ekstrem, taasub dan melebihi-lebih daripada had yang ditetapkan syariat.

4.5 Hadith-Hadith Berkaitan Dengan Fanatik Beragama

Merujuk kepada hadith-hadith dalam *al-Kutub al-Sittah*, terdapat lima (5) hadith yang menjadi asas perbincangan utama dari sudut teorinya berkaitan dengan fanatik beragama. Kelima-lima hadith itu dapat dibahagikan kepada tiga tema atau topik utama iaitu:

4.5.1 Larangan melampaui batas, ekstrem atau memberatkan sesuatu

Hadith 1: **Hadith Larangan Menjadi Orang Yang Melampaui Batas (*al-Mutatti'un*)**

حَدَّثَنَا أَبُو بَكْرِ بْنُ أَبِي شَيْبَةَ حَدَّثَنَا حَفْصُ بْنُ غِيَاثٍ وَيَحْيَى بْنُ سَعِيدٍ عَنْ ابْنِ جُرَيْجٍ عَنْ سُلَيْمَانَ بْنِ عَتِيقٍ عَنْ طَلْقِ بْنِ حَبِيبٍ عَنْ الْأَحْنَفِ بْنِ قَيْسٍ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ هَلَكَ الْمُتَنَطِّعُونَ قَالَهَا ثَلَاثًا

Terjemahan:

“Telah menceritakan kepada kami Abū Bakr bin Abī Syaibah telah menceritakan kepada kami Hafsh bin Ghiyats dan Yahya bin Sa'id dari Ibn Juraij dari Sulaiman bin 'Atiq dari Talq bin Habīb dari Al-Ahnaḥ bin Qais dari 'Abdullah dia berkata; "Rasulullah SAW telah bersabda: 'Celakalah orang-orang yang suka melampaui batas.' (Baginda mengucapkannya tiga kali).”²²

²² Hadith riwayat Muslim dalam *Ṣaḥīḥ Muslim*, Kitāb al-Ilm, Bāb Halaka al-Mutanatti'ūn, no.hadith 6784, dan Abu Dawud dalam *Sunan Abū Dāwud*, Kitāb al-Sunnāh, Bab fī luzūmi al-Sunnāh, no.hadith 4608. Rujuk Muslim bin al-Ḥajjāj Abū Ḥusain al-Qushairī al-Naisābūrī, “Ṣaḥīḥ Muslim”, dalam *Mawsū'at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣālih bin 'Abd al-'Azīz Al al-Syaykh. Riyad: Dār al-Salām, h.1143 dan Abū Dāwūd Sulaiman bin al-Ash'ath bin Ishāq al-Azidi al-Sijistāni, (2000), “Sunan Abu Dawud”, dalam *Mawsū'at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-*

Dalam hadits ini, ungkapan [هَلَكَ الْمُتَطَعُونَ] yang bermaksud: “celakalah orang-orang yang suka melampaui batas”, adalah golongan yang ekstremis. Golongan ekstrem ini dibicarakan sebagai orang-orang yang mengkaji sesuatu dan kemudiannya mereka bersikap ekstremis terhadap apa yang dikajinya. Golongan ini adalah orang yang melampaui batas dalam percakapan dan perbuatan. Dikatakan bahawa golongan ini apabila dia makan kemudian dia akan mengembalikannya semula, iaitu ayat ini bermaksud orang yang ekstremis ini adalah seorang yang mengkhianati prinsipnya sendiri, serta melampaui batas (ekstrem) iaitu dia membohongi sesuatu fakta apabila mendalami dan mempelajari sesuatu perkara. Dalam hadits ini, telah dinyatakan larangan supaya menghindari dari perbuatan *tanattu'*, *tashaddud* iaitu sikap mengada-adakan. (Mūsā Syāhīn Lasyīn, 2002). Shams al-Haq (1968), yang memetik pandangan al-Khattabi, *al-mutanatti'un* ini adalah mereka yang suka mengada-adakan dalam perkara dan para ahli kalam menyatakan bahawa perkara yang tidak tercapai oleh akal atau tidak logik termasuk dalam perbuatan melampaui batas. Perkataan [ثلاث مرات] bermaksud perkataan ekstrem ini telah ditegaskan dan diulang sebanyak tiga kali. (Shams al-Haq, 1986).

Hadith mengenai larangan ini telah diucapkan oleh baginda Rasulullah SAW sebanyak tiga kali pada perkataan [هَلَكَ الْمُتَطَعُونَ], dan ianya menunjukkan bahawa Rasulullah SAW sangat tidak menyukai dengan perbuatan ini dan mencela bagi sesiapa yang melakukannya. Golongan yang ekstrem dalam agama kebiasaannya akan berkata mengenai Allah SWT tanpa hak dan membicarakan tentang hal-hal agama tanpa ilmu dan sehingga akhirnya yang akan menyesatkan diri sendiri berserta orang lain kerana sikap dan perbuatan *ghuluww* ini adalah antara penyebab kepada penyimpangan dalam agama, sikap dan perbuatan.

Kutub al-Sittah, ed. Şālih bin ‘Abd al-‘Azīz Al al-Syaykh. Riyadh: Dār al-Salām, h.1561.

Hadith 2: **Hadith Larangan Membebani Diri (*al-Takalluf*)**

عن أنس قال : كُنَّا عِنْدَ عُمَرَ فَقَالَ : مُهِينًا عَنِ التَّكْلِيفِ

Terjemahan:

“Dari Anas, berkata, “Kami pernah berada di sisi Umar, maka beliau berkata: “Kita dilarang membebani diri.”²³

Imam al-Bukhārī telah menyatakan berkenaan hadith ini secara ringkas. Beliau meletakkan hadith di dalam bab *Ma Yukrah min Kathrah al-Su’al wa Takalluf Ma La Ya`nih* dan mengaitkan bab ini dengan ayat 101m surah al-Ma’idah, firman Allah SWT: (لَا تَسْأَلُوا عَنْ أَشْيَاءَ) (إِنْ تُبَدَّ لَكُمْ تَسْؤُكُمْ) Terjemahan: “Janganlah kamu bertanyakan (kepada Nabi) perkara-perkara yang jika diterangkan kepada kamu akan menyusahkan (membebani) kamu.” Jelas daripada perletakkan Imam al-Bukhari dalam bab tersebut bagi menggambarkan dan menjelaskan tentang larangan bertanyakan sesuatu yang akhirnya akan memberi bebanan atau menyusahkan diri yang bertanya tersebut. Ia juga berkait rapat dengan ayat tersebut. Dalam bab ini juga Imam al-Bukhari menghimpunkan dengan lapan lagi hadith yang keseluruhannya menjelaskan lagi berkaitan dengan pertanyaan yang banyak dalam hal yang tidak perlu sehingga akhirnya membebani diri sendiri.

Manakala al-Humaydi telah menyebutkan bahawa dalam riwayat lain dari Thābit, dari Anas:

أَنَّ عُمَرَ قَرَأَ : (وَفَاكِهَةً وَأَبًّا) فَقَالَ : مَا الْأَبُّ ؟ ثُمَّ قَالَ : مَا كَلَّفْنَا أَوْ قَالَ مَا أَمَرْنَا بِحَدِّ

²³ Hadith riwayat al-Bukhārī dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-I’tishām bi al-Kitāb wa sunnah, Bāb banyak bertanya dan membebani diri dengan hal yang tidak penting yang dimakruhkan, no.hadith 7293. Abū ‘Abd Allāh Muhammad bin Ismā’īl al-Bukhārī, (2000b), “Ṣaḥīḥ al-Bukhārī”, dalam *Mawsū’at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ bin ‘Abd al-‘Azīz Al al-Syaykh, Riyadh: Dār al-Salām, h.607

Terjemahan:

“Bahawa ‘Umar membaca, “wa faakihatan wa abba.” Maka beliau berkata, “Apakah itu abbaa?” Umar kemudian menjawab, “kita tidak dibebani – atau berkata – kita tidak diperintahkan terhadap hal ini.”. (Ibn Hajar, 1379H)

Dalam hadith ini telah menyatakan larangan berkenaan untuk membebani diri sendiri, ia menunjukkan para sahabat dilarang untuk membebani diri mereka dengan perkataan *أَمْرَنَا* iaitu kami diperintahkan atau perkataan *هُمِينَا* bermaksud kami dilarang, dan keduanya membawa hukum yang sama dengan dinisbahkan langsung kepada Rasulullah SAW, walaupun periwayatannya tidak menisbahkan secara terus atau terang-terangan kepada Nabi SAW, namun ianya cukup untuk menegaskan maksud dari hadith ini supaya sahabat dan selainnya tidak mengamalkan sikap membebani diri dalam setiap perkara. Oleh sebab itu, hadith ini telah dibatasi dengan perkataan *هُمِينَا عَنِ التَّكْلِيفِ* (Ibn Hajar, 1379H). Perbuatan membebani diri mempunyai maksud yang sama dengan perbuatan ekstrem, dan sama ada berkaitan ibadah ataupun hal lainnya. Sikap membebani diri ini boleh mengundang kebinasaan pada diri akhirnya. Pada hadith lain pula, Nabi SAW menyuruh agar manusia melaksanakan perintah sesuai dengan kemampuan diri. Daripada Abi Hurayrah RA daripada Nabi SAW bersabda:

دَعُونِي مَا تَرَكْتُمْ، فَإِنَّمَا هَلَكَ مَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ سؤَالَهُمْ وَاخْتِلَافُهُمْ عَلَى أَنْبِيَائِهِمْ، فَإِذَا نَهَيْتُمْ عَنْ شَيْءٍ فَاجْتَنِبُوهُ، وَإِذَا أَمَرْتُمْ بِشَيْءٍ فَأَتُوا مِنْهُ مَا اسْتَطَعْتُمْ

Terjemahan:

“Tinggalkan apa yang telah aku tinggalkan kepada kamu. Sesungguhnya binasanya orang-orang sebelum kamu adalah kerana mereka banyak bertanya dan banyak perselisihan (penentangan) terhadap para nabi mereka. Maka, apabila aku melarang (menegah)

sesuatu akan jauhilah ia, dan apabila aku perintahkan kamu dengan sesuatu perintah, lakukanlah sesuai dengan kemampuan kamu."²⁴

Hadith ini menunjukkan bahawa supaya setiap apa yang dilarang oleh Rasulullah SAW perlu ditinggalkan seluruhnya kecuali terdapat keuzuran yang membolehkannya. Disebutkan juga dalam hadith "*Sesungguhnya binasanya orang-orang sebelum kamu adalah kerana mereka banyak bertanya dan banyak perselisihan (penentangan) terhadap para nabi mereka*", iaitu disebabkan pertanyaan yang dikemukakan terhadap sesuatu yang tidak diharamkan pada mulanya, lalu diharamkan kerana pertanyaan yang mendalam sehingga membebaskan diri. Justeru itu, perlunya untuk menjauhi semua larangan Rasulullah SAW dan apa yang dilarang oleh Allah SWT jika sesuatu larangan tersebut menunjukkan haram bukan makruh. Hadith ini juga menyuruh sesiapa yang tidak mampu untuk melakukan perbuatan yang diperintahkan secara keseluruhan, cukuplah hanya melaksanakan sebahagiannya mengikut kemampuan. Allah SWT tidak membebani seseorang kecuali mengikut kadar kemampuannya menunjukkan agama Islam yang mudah. (Marwan, 2014). Sesuai dengan firman Allah SWT pada ayat 286, surah al-Baqarah:

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا

Terjemahan:

"Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya."

²⁴ Hadith riwayat al-Bukhārī dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-I'tishām bi al-Kitāb wa sunnah, Bāb al-Iqtidā'ī bi Sunan Rasul SAW, no.hadith 7288. Rujuk al-Bukhārī, (2000b), "*Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*", dalam *Mawsū'at al-Ḥadīth al-Sharīf*, h.607.

Hadith 3: **Hadith Larangan Sikap Berlebih-Lebihan (*al-Ghuluw*) Dalam Agama Yang Membinasakan Umat Sebelumnya.**

عَنْ أَبِي الْعَالِيَةِ قَالَ قَالَ ابْنُ عَبَّاسٍ قَالَ لِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ غَدَاةَ الْعَقَبَةِ وَهُوَ عَلَى رَاحِلَتِهِ هَاتِ الْمُطَّ لِي فَلَمَّطْتُ لَهُ حَصِيَّاتٍ هُنَّ حَصَى الْحَذْفِ فَلَمَّا وَضَعْتُهُنَّ فِي يَدِهِ قَالَ بِأَمْتَالِ هَؤُلَاءِ وَإِيَّاكُمْ وَالْعُلُوَّ فِي الدِّينِ فَإِنَّمَا أَهْلَكَ مَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ الْعُلُوَّ فِي الدِّينِ

Terjemahan:

“Dari Abu Al-'Aliyah, berkata; Ibn 'Abbas berkata; Rasulullah SAW bersabda kepadaku pada pagi hari di 'Aqabah dan baginda berada di atas kenderaannya: "Ambilkan untukku," lalu aku mengambilkan beberapa batu kecil untuk baginda iaitu batu untuk melontar. Ketika aku meletakkan di tangan baginda, lalu baginda bersabda dengan memberi misalan batu-batu kecil itu: "Janganlah kamu berlebih-lebihan dalam agama, kerana sesungguhnya yang telah membinasakan orang-orang sebelum kalian adalah sikap berlebih-lebihan (*ghuluw*) dalam agama."²⁵

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Nasa'i dan Ibn Majah serta tidak diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim. Walaupun demikian, di dalam Sahih al-Bukhari, Imam al-Bukhari telah meletakkan satu bab yang membicarakan tentang *ghuluw* (melampau) iaitu pada Kitab al-Ṭisām bi al-Kitāb, Bab Ma Yukrah min al-Ta'ammūq wa al-Tanazū' fi al-'Ilm wa al-Ghuluww fi al-Din wa al-Bida' (Bab Perkara Yang

²⁵ Hadith riwayat al-Nasā'ī dalam *Sunan al-Nasā'ī*, Kitāb Manāṣik al-Ḥajj, Bāb al-Ṭiqat al-Ḥasa, no.hadith 3059, dan Ibn Majah dalam *Sunan Ibn Mājah*, Kitāb Manāṣik al-Ḥajj, Bab kadar kerikil untuk lemparan, no.hadith 3029. Rujuk Abū 'Abd al-Rahmān Ahmad bin Shu'aib bin 'Alī al-Nasā'ī, (2000), “Sunan al-Nasā'ī”, dalam *Mawsu'at al-Hadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣālih bin 'Abd al-'Azīz Al al-Syaykh, Riyad: Dār al-Salām, h.2284 dan Abu 'Abd Allāh Muḥammad bin Yazīd al-Qazwainī, (2000), “Sunan Ibn Mājah”, dalam *Mawsu'at al-Hadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣālih bin 'Abd al-'Azīz Al al-Syaykh, Riyād: Dār al-Salām, h.2658.

Dibenci iaitu Mendalami (Bertanya Secara Mendalam) dan Berbalah Dalam Ilmu dan Melampau Dalam Beragama Serta (Perbuatan Bid'ah). Lalu dikaitkan dengan ayat 171 surah al-Nisa'. (يَا أَهْلَ الْكِتَابِ لَا تَغْلُوا فِي دِينِكُمْ وَلَا تَقُولُوا عَلَى اللَّهِ إِلَّا الْحَقَّ (تَغْلُوا فِي دِينِكُمْ وَلَا تَقُولُوا عَلَى اللَّهِ إِلَّا الْحَقَّ), terjemahannya: “Wahai Ahli kitab (Yahudi dan Nasrani)! Janganlah kamu melampaui batas dalam perkara agama kamu, dan janganlah kamu mengatakan sesuatu terhadap Allah melainkan yang benar.”

Badr al-Din al-‘Aini (2001: 404) menyebutkan bahawa pada tarjamah al-Bab bagi Sahih al-Bukhari itu menjelaskan bahawa apa yang dibenci daripada mendalami (perbuatan bertanya secara terlalu mendalam) iaitu bersangatan dalam sesuatu perkara sehingga melampaui had (yang ditetapkan). Manakala *al-Tanazu`* (Berbalah) dalam ilmu iaitu memberi maksud saling bertengkar pada ilmu ketikamana berlaku khilaf (perselisihan pandangan) pada suatu hukum apabila tidak jelas dalilnya. Manakala *al-Ghuluw* itu merujuk kepada maksud melampaui had. Menurut al-Karmani *al-Ghuluw* (melampau batas) adalah lebih atas (atau lebih mendalam) berbanding *al-Ta`ammuq*. Lalu al-‘Aini (2001: 404) mengaitkan dengan hadith yang dibincangkan di atas. Beliau memberikan contoh seperti perbincangan berkaitan sifat *rububiyyah* sehingga menimbulkan perbalahan daripada perbalahan syaitan yang membawa kepada terkeluar daripada kebenaran yang sebenar. Manakala sifat *ghuluw* pada fikrah (pemikiran) yang memikirkan tentang ketuhanan sehingga membawa kepada menjadikan tuhan (yakni Allah) tiga (iaitu mensyirikkan Allah SWT). Demikian dimaksudkan bahawa sifat *ghuluw* (melampau) ini membawa kesan buruk yang besar. Sedangkan *al-Bida`* (bid'ah) adalah merujuk kepada sesuatu yang tidak ada asal daripada *al-Kitab* (yakni al-Quran) dan *al-Sunnah* atau dikatakan juga menzahirkan atau mengadakan sesuatu yang tidak ada pada zaman Nabi SAW dan tidak pula ada pada zaman para Sahabat RA.

Demikian juga Ibn Hajar (1379H: 278) yang menyebutkan tentang hal yang sama seperti disebutkan oleh al-‘Aini. Beliau juga menyatakan *al-Ghuluw* adalah bersangatan dalam sesuatu dan

melampaui terhadapnya sehingga melampaui had (batasan) yang telah ditetapkan dan ia seumpama maksud *al-Ta`ammūq*. Lalu beliau juga mengaitkan dengan hadith yang dibincangkan ini dan menyatakan bahawa hadith ini mencontohkan perbuatan melontar jamrah oleh Nabi SAW. Jadi, dapat difahami daripada hadith, Nabi SAW telah meminta agar Ibn ‘Abbas mengutip batu-batu yang kecil bagi tujuan untuk melaksanakan rukun melontar jamrah. Disebutkan dengan batu yang kecil itu sesuai dengan keadaan sebahagian daripada umat Islam yang salah faham atau melampaui dalam melaksanakan tuntutan itu lalu mereka menggunakan batu-batu yang besar sebagai contohnya sehingga membebankan diri mereka sendiri atau menyusahkan diri sendiri.

4.5.2 Larangan mengada-adakan sesuatu baharu berkaitan agama

Mengada-adakan sesuatu yang tidak disyariatkan atau tidak pernah dilakukan oleh Nabi SAW sebagai pembawa syariat khususnya dalam soal agama (ibadah) adalah sesuatu tindakan yang sangat dilarang. Bahkan, tindakan tersebut termasuk dalam perbuatan yang ditolak dan kemungkinan besar amalan atau ibadah tersebut tidak mendapat sebarang pahala di sisi Allah dan jauh daripada penerimaannya. Daripada Umm al-Mu’minin ‘Aishah RA berkata, Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ أَخَذَ فِي أَمْرِنَا هَذَا مَا لَيْسَ مِنْهُ فَهُوَ رَدٌّ.

Terjemahan:

*“Sesiapa yang mengada-adakan suatu perkara di dalam urusan [agama] kami ini yang bukan berasal darinya, maka ia pasti tertolak.”*²⁶

²⁶ Hadith riwayat al-Bukhari dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Sulh, Bāb Izā Iṣṭalāḥ ‘alā Sulh al-Jawr fī al-Sulh Mardūd, no.hadith 2697; riwayat Muslim dalam *Ṣaḥīḥ Muslim*, Kitāb al-Aqdiyāh, Bāb Naqd al-Ahkām al-Bātilāh wa Radd al-Muhaddathāh al-Umūr, no.hadith 4492; riwayat Ibn Majah dalam *Sunan Ibn Mājah*,

Dalam hadith, kalimah “*raddun*” (رَدُّ) bermaksud tertolak atau tidak sah. Manakala ungkapan “*ma lays minh*”, iaitu bukan dari urusan kami bermaksud sesuatu yang bukan dari hukum asalnya. Jadi, hadith ini menyatakan tentang larangan tegas kepada sesiapa yang mengadakan sesuatu yang baharu dalam urusan agama atau melakukan sesuatu yang tidak dituntut dalam Islam. Sekiranya amalan yang dilakukan tidak bertepatan dengan apa yang dibawa oleh Nabi SAW, maka ianya akan terus tertolak dan tidak diterima walaupun amalan yang dilakukan itu berniat ikhlas. Hal ini kerana antara syarat untuk amalan itu diterima adalah salah satunya amalan itu mestilah tidak berlebih-lebih dan mengikut apa yang dituntut oleh Rasulullah SAW. Maksudnya di sini, perbuatan yang dilakukan itu dinilai sebagai ibadah tetapi ianya tidak bersumberkan ajaran Islam atau tidak juga memiliki landasan yang jelas dan lebih dikenali dalam agama dengan istilah bid’ah. Manakala menurut pendapat Imam al-Shatibi dalam menerangkan maksud perbuatan bid’ah ini adalah sesuatu cara atau tindakan beragama yang diada-adakan dengan menyerupai syari’at. Hal itu dilakukan oleh golongan tersebut dengan bertujuan untuk melebih-lebihkan dalam beribadah kepada Allah SWT (al-Nawāwī, 2007). Sesetengah pendapat, ada mengatakan bahawa seseorang itu juga boleh dianggap sebagai pelaku bid’ah apabila mengharamkan hal-hal yang halal (mubah) iaitu dibolehkan ataupun beribadah kepada Allah SWT dengan amal ibadah yang tidak diajarkan dalam syari’at Islam.

Dapat diketahui dari hadith ini, semua bentuk amalan dan perbuatan yang tidak bersandarkan kepada dalil nas yang jelas adalah

Kitāb al-Sunnāh, Bāb Ta’zīm Hadīth Rasulullah SAW wa al-Taghlīz ‘alā min ‘Āriduh, no.hadith 3864; riwayat Abū Dāwūd dalam *Sunan Abū Dāwūd*, Kitāb al-Sunnāh, Bāb fi Luzumī al-Sunnāh, no.hadith 14. Lihat Abū ‘Abd Allāh Muhammad bin Ismā’īl al-Bukhārī, (2000a), *al-Jami’ al-Sahīh al-Bukhārī*, ed. Muḥib al-Dīn al-Khāṭib, Kaheerah: Matba’ah al-Salafiyah, h.267; Muslim (2000), “*Ṣaḥīḥ Muslim*”, h.982; Ibn Majah, (2000), “*Sunan Ibn Mājah*”, dalam *Mawsu’at al-Hadith al-Sharif*, h.2475 dan Abū Dāwūd, (2000), “*Sunan Abū Dāwūd*”, dalam *Mawsu’at al-Ḥadīth al-Sharif*, h.1561.

tidak diterima serta tertolak. Agama Islam merupakan agama yang sempurna dan tidak ada kurang dan lebihnya. Oleh itu, agama Islam bukannya agama yang berdasarkan *ibtida'* iaitu mengada-adakan sesuatu tanpa dalil dan Rasulullah SAW sendiri telah menyebutkan supaya umat Islam tidak melakukan sikap berlebih-lebihan dan mengada-adakan (al-Nawāwī, 2007).

Hadith ini dapat dikaitkan dengan satu hadith sahih, di mana Ibn Abi Awfa telah berkata:

النَّاجِشُ: أَكِلٌ رِبًا خَائِنٌ وَهُوَ خِدَاعٌ بَاطِلٌ لَا يَجِلُّ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «الْحَدِيثُ فِي النَّارِ، مَنْ عَمِلَ عَمَلًا لَيْسَ عَلَيْهِ أَمْرُنَا فَهُوَ رَدٌّ»

Terjemahan:

“Al-Najish adalah pemakan riba dan pengkhianat. Ia merupakan tipu muslihat yang batil dan sama sekali tidak dihalalkan. Nabi SAW bersabda: “Orang yang melakukan penipuan berada di neraka; dan sesiapa yang mengerjakan sesuatu amalan yang bukan termasuk urusan kami, maka ia tertolak.”²⁷

Perkataan *Najish* menurut bahasa adalah mengusik buruan serta membuatnya meninggalkan tempatnya untuk diburu. Manakala dalam syariah bermaksud penambahan harga suatu barang dari orang yang tidak bermaksud membelinya untuk menipu orang lain agar membelinya (Ibn Hajar, 1379H). Jadi, dalam hadith ini Nabi SAW menunjukkan satu contoh perbuatan menipu atau mengada-adakan sesuatu yang berkaitan dengan urusan jual beli yang melibatkan transaksi riba.

²⁷ Hadith riwayat al-Bukhari, Kitab al-Buyu`, Bab al-Najsh, wa Man Qala: “La Yajuz Dhalik al-Bay`, no.hadith 2134. Lihat Al-Bukhārī, (2000b), “Saḥīḥ al-Bukhārī”, dalam *Mawsu'ah al-Hadith al-Sharif*, h.167.

4.5.3 agama islam itu mudah dan tidak memberatkan atau membebankan.

Agama Islam adalah agama yang mudah dan tidak membebankan umatnya. Dalam hadith daripada Abi Hurayrah RA daripada Nabi SAW bersabda:

إِنَّ الدِّينَ يُسْرٌ، وَلَنْ يُشَادَّ الدِّينَ أَحَدٌ إِلَّا غَلَبَهُ، فَسَدِّدُوا وَقَارِبُوا، وَأَبْشِرُوا، وَاسْتَعِينُوا، بِالْعَدْوَةِ
وَالرَّوْحَةِ وَشَيْءٍ مِنَ الدُّجْحَةِ

Terjemahan:

*"Sesungguhnya agama (Islam) itu mudah. Tidaklah seseorang mempersulit (berlebih-lebihan) dalam agama melainkan ia akan dikalahkan. Oleh itu, kerjakanlah dengan semestinya, atau mendekati semestinya dan bergembiralah (dengan pahala Allah) dan mohonlah pertolongan di waktu pagi, petang dan sebahagian malam"*²⁸

Dalam hadith, ungkapan [إِنَّ الدِّينَ يُسْرٌ] “Sesungguhnya agama itu mudah” membawa maksud ciri-ciri agama Islam adalah sebagai agama yang diturunkan kepada umat manusia yang terakhir dalam bentuk yang sempurna, agama Islam adalah agama yang telah direcai oleh Allah SWT. Kemudian, kalimah *al-Ghadwah* (الْعَدْوَةِ) bermaksud permulaan waktu tengahari, dan *al-Rawhah* (الرَّوْحَةِ) pula bermaksud sewaktu terbenamnya matahari, dan *al-duljah* (الدُّجْحَةِ) pula pada waktu akhir malam. Perkataan [فَسَدِّدُوا] bermaksud mengerjakan sesuatu ibadah dengan benar dan tidak berlebihan dan tidak pula mengurangnya, [وَأَبْشِرُوا] bermaksud, sekiranya ibadah yang dilakukan itu tidak sempurna maka hendaklah mengerjakan yang dekat dengan kesempurnaan, dan

²⁸ Hadith riwayat al-Bukhari dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Imān, Bāb al-Dīn Yusrun, no.hadith 39, dan Kitāb al-Marīd, Bāb Tamannī al-Marīd al-Mawtā, no.hadith 5673. Rujuk al-Bukhārī, (2000b), “Ṣaḥīḥ al-Bukhārī”, dalam *Mawsū‘at al-Hadīth al-Sharīf*, h. 5 & h. 486.

juga [وَأَبْشُرُوا] bermaksud bahawa bergembiralah kerana akan mendapat balasan pahala atas amal yang dilakukan terus-menerus walaupun sedikit (al-Bukhari, 1987; al-‘Aini, 2001). Jadi, keseluruhan ungkapan ini merujuk kepada maksud bahawa setiap amalan yang dilakukan, hendaklah disempurnakan dengan baik, bukan dilakukan sehingga membebankan diri sendiri. Bahkan, berusaha bagi mencapai kesempurnaan kerana dijanjikan balasan pahala di sisi Allah SWT.

Kemudian, istilah *mutashaddid* iaitu merujuk kepada orang yang berlebihan itu akan dikalahkan juga oleh agamanya, yakni golongan yang suka memberat-beratkan dalam beribadah, pada akhirnya tidak akan terdaya serta merasa jemu untuk melaksanakan tuntutan agama tersebut. (al-‘Aini, 2001). Dalam hal ini, boleh diibaratkan bagi sesiapa yang memberatkan diri sendiri, pada akhirnya nanti akan merasa letih dan penat dalam melaksanakan tuntutan tersebut. Sedangkan diketahui bahawa ciri-ciri agama Islam adalah mudah, sempurna dan tidak membebani diri. Perlakuan berlebihan itu akan mengundang tindakan yang lebih negatif atau menimbulkan perasaan jemu dan bosan dalam diri individu tersebut. Justeru, Nabi SAW telah menyuruh agar umat baginda melakukan ibadah pada masa dan waktu yang ditentukan iaitu waktu pada pagi, petang dan malam sesuai dengan kemampuan manusia itu sendiri.

Jadi, dalam hadith di atas jelas menunjukkan bahawa baginda SAW melarang memiliki sikap *ghuluw* atau *tanattu'* atau *tashaddud*, kerana ianya bukan sahaja boleh membinasakan diri yang melakukannya, tetapi juga boleh merosak imej Islam. Tambahan lagi, diketahui bahawa Nabi SAW diutus sebagai “pemudah cara” bukan membebani umat baginda. Daripada Jabir bin ‘Abd Allah RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ أَمْ يَبْعَثَنِي مُعْتَنًا وَلَا مُتَعْتَنًا وَلَكِنْ بَعَثَنِي مُعَلِّمًا مُبْسِرًا

Terjemahan:

“Sesungguhnya Allah SWT tidak mengutuskan untuk mempersulit atau memperberat, melainkan sebagai seorang pengajar yang memudahkan.”²⁹

Secara dasarnya, agama Islam yang diturunkan oleh Allah SWT adalah mudah kerana Allah mengetahui kemampuan yang ada pada manusia seperti firman-Nya dalam surah al-Baqarah ayat 286:

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا

Terjemahan:

“Allah tidak memberati seseorang melainkan sesuai dengan kesanggupannya.”

Dan firman Allah SWT lagi pada ayat 185 surah al-Baqarah:

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ

Terjemahan:

“Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan dan Ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran”.

Imam Ibn Hajar Al-‘Asqalani telah memberikan contoh, berkaitan ciri agama Islam yang mudah serta membezakan Islam daripada agama lain yang wujud di dunia ini. Contohnya tentang taubat, di mana umat terdahulu untuk diterima taubatnya, sangat rumit sehinggakan ada dalam kalangan mereka yang diharuskan untuk bunuh diri. Sedangkan bagi kaum Muslimin cukuplah hanya dengan

²⁹ Hadith riwayat Muslim dalam Sahih Muslim, Kitab al-Tallaq, Bāb Bayan an Takhyirah Imra’atah La Yakuna Tallaqan illa bi al-Niyyah, no.hadith 3690. Rujuk Muslim, (2000), “Ṣaḥīḥ Muslim”, dalam *Mawsū‘at al-Ḥadīth al-Sharīf*, h.929.

menyesali dosa-dosanya, tetapi seharusnya berjanji tidak mengulangi kesalahan dan kesilapan yang dilakukan dahulu serta memperbanyakkan kebaikan. Menurutny lagi, hadith ini berkait rapat dengan hadith-hadith sebelumnya iaitu hadith mengenai ibadah solat, puasa, dan jihad adalah sebahagian daripada iman dan merupakan ibadah utama bagi umat Islam. Walau bagaimanapun hadith ini memberi peringatan bahawa dalam melaksanakan ibadah-ibadah tersebut haruslah bersesuaian dengan ciri-ciri agama Islam yang mudah dengan tidak membebaskan diri dan terlampau ekstrem (berlebih-lebih) (Ibn Hajar, 1379H).

Demikian juga Badr al-Din al-‘Aini (2001: 126-127), menyebutkan bahawa maksud “*Agama (Islam) itu mudah*” iaitu dari aspek puasa Ramadan di mana diharuskan untuk melewatkannya (atau menggantikannya) pada masa yang lain disebabkan oleh musafir atau sakit yang berbeza dengan solat (yang tidak boleh berbuat demikian). Demikian juga boleh meninggalkan puasa itu bagi orang yang sangat tua, yang memadai dengan membayar fidyah sahaja (sebagai ganti puasa itu) tetapi tidak pada solat. Bahkan, puasa itu hanya dilaksanakan hanya sebulan dalam tempoh setahun (12 bulan) sedangkan puasa perlu dilakukan setiap hari siang dan malam lima waktu.

Kemudian, agama Islam itu mudah juga boleh dinisbahkan kepada zatnya iaitu perihal agama Islam itu sendiri dan perbandingan dengan agama-agama yang lain. Zahirnya, Allah SWT telah mengangkat segala kepayahan kepada umat-umat seperti tidak harus solat di masjid, tidak boleh bersuci dengan debu tanah, tidak boleh memotong pakaian yang terkena najis dan diterima taubat dengan membunuh diri dan sebagainya. Dengan kelembutan dan rahmat Allah, diangkatkan semua itu daripada umat Nabi SAW sesuai dengan firman Allah SWT ada ayat 78 surah al-Haj:

وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ

Terjemahan:

“Dia (Allah) tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara agama.”

Imam al-‘Aini, (2001:127) turut memetik pandangan Ibn Battal yang menyatakan bahawa yang dimaksudkan dengan “*al-Din*” merujuk kepada “*al-A`mal*” (segala pekerjaan atau amalan) kerana itu dikatakan “*al-Din yusr*” (agama itu mudah). Kemudian, segala kemudahan itu telah diterangkan dalam hadith (di atas) “kerjakanlah keseluruhannya daripada segala amalan perbuatan”. Sedangkan “*al-Yusr*” itu merujuk kepada maksud “*al-Lin*” (lembut) dan “*al-Inqiyad*” (mudah diuruskan atau dilaksanakan). Manakala “*al-Din*” yang disifatkan dengan sifat mudah dan payah itu adalah merujuk kepada segala amal perbuatan.

5. Perbincangan

Merujuk kepada perbincangan terhadap hadith dan keterangan daripada para ulama dan sarjana berkaitan dengan fanatik beragama, dapat dikemukakan beberapa perbincangan yang berkaitan dengan tajuk ini.

5.1 Aspek Pengistilahan

Dalam perbincangan berkaitan dengan istilah fanatik beragama, dapat dikatakan bahawa ia boleh merujuk kepada beberapa istilah yang lain yang menunjukkan kepada maksud yang sama, sekalipun ada perbezaan dari sudut penggunaan istilah tersebut. Fanatik boleh dirujuk kepada maksud *ekstrem*, *taasub*, melampaui had, memberatkan atau mempersulitkan, berlebih-lebih atau melampaui batas yang ditetapkan. Manakala dalam hadith pula, istilah yang digunakan bagi mewakili maksud fanatik dan istilah seumpama dengannya adalah merujuk kepada istilah *al-ghuluw*, *tannattu`* (*al-mutanatti`in*) dan

takalluf yang secara keseluruhannya mewakili maksud yang telah dinyatakan tersebut.

Dalam konteks yang lain pula, sebenarnya fanatik beragama juga merujuk kepada istilah *tashaddud* yang bermaksud berlebihan atau memayahkan. Dalam konteks istilah ini dapat dirujuk kepada orang yang melakukan sesuatu perkara atau ibadah yang melebihi had yang ditentukan dalam syariat atau melakukan dalam keadaan memayahkan diri. Ia berlawanan kepada maksud dalam hadith iaitu “Agama (Islam) itu adalah mudah”.

5.2 Aspek Pemahaman Dari Perspektif Hadith atau Fiqh al-Hadith

Apabila dirujuk kepada hadith yang dibincangkan fanatik beragama dapat dirujuk pemahamannya kepada beberapa aspek berikut:

[Pertama] Merujuk kepada larangan melampaui batas, ekstrem atau memberatkan sesuatu. Dalam konteks pemahaman terhadap keseluruhan hadith yang berkaitan perkara ini, dapat difahami bahawa fanatik juga boleh merujuk kepada pelbagai aspek dan tindakan. Maksudnya, fanatik beragama bukan hanya berkaitan dengan ibadah atau pelaksanaan ibadah sahaja, tetapi sifatnya lebih luas merangkumi pelbagai perkara. Antaranya melibatkan perbuatan dan tindakan serta sikap dan tingkah laku. Maksudnya, sesuatu perkara atau perbuatan yang dilakukan secara bersangatan dan melampau sehingga melampaui had (batasan) yang telah ditetapkan, maka itulah dimaksudkan sebagai fanatik beragama. Boleh jadi dalam ibadah, dalam amalan harian, perbuatan, dan sikap seseorang. Contohnya, kumpulan Islamic State of Iraq and Syria (ISIS) adalah antara golongan ekstremis atau fanatik dalam memperjuangkan agenda mereka dalam bentuk sikap dan tindakan. Manakala, sikap membantah-bantah atau taasub terhadap seseorang guru atau kumpulan atau idea pemikiran tertentu adalah antara contoh fanatik dalam konteks sikap. Oleh sebab itu, seorang itu sanggup menggadaikan dan melakukan apa sahaja demi memperjuangkan ideologi yang diagungkan atau dipegang.

[Kedua] Merujuk kepada larangan mengada-adakan sesuatu yang baharu dalam agama. Dalam pemahaman hadith juga menyatakan bahawa mengada-adakan sesuatu yang baharu khususnya dalam konteks amal ibadah adalah termasuk dalam bentuk fanatik beragama. Maksudnya, apabila seseorang itu melakukan sesuatu yang dianggap sebagai ibadah dalam keadaan tidak mempunyai dalil daripada Nabi SAW, atau daripada amalan para Sahabat dan Tabi'in atau dari pandangan dan panduan *Salaf al-Soleh*, maka secara umumnya dapat difahami ia bukan ibadah kerana panduan ibadah itu daripada tunjuk ajar Nabi SAW dan diperincikan dari pandangan dan amalan *Salaf al-Soleh*. Ia juga merujuk kepada istilah bid'ah yang dimaksudkan oleh Nabi SAW.

Jadi, sebagai umat Islam, sesuatu ibadah yang dilakukan bukannya mengikut kefahaman sendiri tetapi kefahaman daripada tunjuk ajar Nabi SAW melalui panduan hadith dan sunnah baginda SAW. Contohnya, Nabi SAW menyatakan bahawa pelaksanaan solat itu mesti mengikut panduan yang diajarkan oleh Nabi SAW seperti dalam hadith daripada Abi Hurairah RA bahawa Nabi SAW bersabda:

صَلُّوا كَمَا رَأَيْتُمُونِي أُصَلِّي

Terjemahan:

“Solatlah kamu sepertimana kamu melihat aku solat.”³⁰

Maka, dapat difahami bahawa perbuatan amalan solat, waktu solat, tatacara pelaksanaan solat, bilangan rakaat dalam solat, keseluruhannya telah diajarkan oleh Nabi SAW. Jadi, apabila seseorang itu menyatakan bahawa dia akan melaksanakan solat Zohor lima rakaat pada jam 11.00 pagi waktu Malaysia, perbuatan solat itu zahirnya nampak baik, tetapi hakikatnya menyalahi tatacara yang

³⁰ Hadith riwayat al-Bukhari, Kitab al-Da'awat, Bab al-Du'a Ba'd al-Salah, no.hadith 6329. Al-Bukhārī, (2000b), “Saḥīḥ al-Bukhārī”, dalam *Mawsu'ah al-Hadith al-Sharif, op.cit.*, h. 533.

diajarkan oleh Nabi SAW. Maka, perbuatan tersebut adalah bid'ah atau mengada-adakan sesuatu yang tidak diajarkan oleh Nabi SAW dan menyalahi tatacara sebenar. Maka, sesuai dengan sabdanya Nabi SAW yang menyatakan bahawa perbuatan bid'ah itu adalah sesat. Sudah pasti juga tiada ganjaran pahala yang diberikan Allah, dan mengundang dosa.

[Ketiga] Merujuk pemahaman berlebihan atau bersifat memayahkan atau membebankan diri berlawanan kepada sifat mudah. Maksudnya, agama Islam itu bersifat mudah dan tidak membebani atau memayahkan umat Islam dalam konteks pelaksanaan sesuatu perkara berkaitan dengan agama contohnya seperti ibadah. Dalam konteks hadith, Nabi SAW menyatakan bahawa agama Islam itu bersifat memudahkan tetapi bukan bermaksud mengambil mudah atau sambil lewa. Konteks hadith tersebut menyatakan bahawa dalam pelaksanaan ibadah sebagai contohnya, perlu dilakukan mengikut apa yang telah digariskan sebagai panduan dalam ibadah tersebut. Tidak perlu untuk membebankan diri sehingga pada akhirnya merasa penat dan letih serta jemu dalam pelaksanaan ibadah tersebut. Apa yang paling dituntut adalah melaksanakan sesuatu tuntutan itu dengan sempurna dan beristiqamah sekalipun pada zahirnya nampak ibadah itu terlalu *simple* (mudah) dalam pelaksanaan.

Hal ini dapat difahami bahawa apabila seseorang itu terlalu fanatik beragama ataupun boleh dikatakan dalam konteks pemahaman hadith ini, apabila seseorang itu terlalu fanatik untuk melakukan sesuatu ibadah atas dasar bersemangat seperti bertekad untuk membaca al-Quran setiap malam satu juzuk atau mengkhatamkan al-Quran pada satu minggu, kemungkinan pada peringkat awal boleh dilakukan. Namun, apabila disibukkan dengan tugas, atau terasa amalan itu terbeban, maka keadaan tersebut akan menyebabkan amalan itu tidak langsung dilakukan selepas itu. Perkara ini yang mahu dielakkan berlaku dalam kalangan umat Islam. Oleh sebab itu, Nabi SAW meminta supaya umat Islam tidak membebani diri mereka sendiri sekalipun dalam beribadah. Sewajarnya hanya perlu mengikut aturan yang telah ditetapkan dalam syariat kerana itulah yang paling

sesuai dengan keadaan sebagai seorang manusia, pengikut Nabi SAW dan hamba Allah SWT.

6. Kesimpulan

Melalui penelitian terhadap beberapa hadith-hadith terpilih dapat menunjukkan larangan daripada Rasulullah SAW tentang sikap fanatik beragama ini. Larangan ini bersifat keras. Namun, perbincangan dengan isu semasa masyarakat sekarang jelas memberi pemahaman tentang sikap fanatik beragama yang boleh berlaku dalam pelbagai aspek dalam kalangan umat Islam itu sendiri. Antaranya seperti taasub atau fanatik terhadap mazhab, taasub dalam amalan agama atau mengada-adakan sesuatu ibadah baru dalam agama. Seajar dengan perkembangan teknologi kini, didapati bahawa idea fanatisme atau ekstremisme lebih mudah untuk berkembang dalam masyarakat tanpa disedari. Bahkan, banyak perkara dan tindakan ekstrem yang berlaku disebabkan perhubungan dengan dunia luar tanpa batasan itu.

Dari itu, dapat dikatakan bahawa kewujudan tindakan ekstrem dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia khususnya, dari pelbagai sudut dapat difahami bahawa atas dasar salah faham dalam memahami syariat agama dengan baik yang berasaskan kepada sumber al-Quran, sunnah dan pandangan para ulama. Tindakan yang hanya merujuk kepada satu pihak, atau hanya menyalahkan seorang tokoh atau satu kumpulan yang lain, telah membawa kepada sikap ekstremis tersebut sehingga keadaan ini mendatangkan kecelaruan dalam masyarakat. Bahkan, sebahagian daripada golongan yang mendakwa mewakili golongan pembawa perubahan atau pembaharuan pula terus keras menyerang golongan yang masih berakar umbi dengan amalan tradisi sehingga menyebabkan berlakunya pertelingkahan dan perbalahan. Sedangkan hakikatnya, jika nas-nas agama itu difahami dengan baik nescaya tidak timbul perbalahan dan pertelingkahan tersebut. Sikap bertolak ansur antara kedua-dua pihak akan lebih menguntungkan semua ahli masyarakat selagi perkara tersebut tidak menyentuh aspek akidah.

Oleh sebab itu, amat penting diberikan kefahaman yang jelas tentang aspek fanatik dan ekstremisme ini dalam masyarakat supaya tidak terjebak dengan pelbagai aktiviti yang merosakkan Islam mereka. Melalui panduan al-Quran dan tunjuk ajar Nabi SAW melalui hadith-hadith baginda, sudah memadai untuk memahaminya dengan jelas. Nabi SAW lebih mengetahui selok belok dan keadaan umat baginda berbanding umat baginda mengetahui tentang diri sendiri.

Sangat perlu, al-Quran dan hadith dijadikan sumber utama dalam kehidupan seharian kerana di dalamnya terdapat jawapan bagi setiap persoalan dalam kehidupan. Oleh yang demikian, tugas ini bergantung kepada golongan *A'lim* untuk menerangkannya kepada masyarakat dan berpegang dengan akidah Ahli Sunnah wa al-Jamaah dan bermazhabkan Imam Syafi'i dalam syariah. Sebagai individu Muslim, seharusnya memantapkan diri dengan ilmu agama sebagai panduan dalam kehidupan seharian supaya tidak terpesong dan mudah terpengaruh dengan golongan fanatik beragama.

Penghargaan

Artikel ini hasil daripada penyelidikan di bawah geran penyelidikan University Malaya Research Grantt (UMRG) bernombor RG482-15HNE bertajuk: “*Menangani Budaya Pemikiran Ekstreme Agama Dalam Kalangan Belia: Ke Arah Penyelesaian Melalui Kerangka Al-Quran Dan Al-Sunnah.*”

RUJUKAN

- Abi Tayyib Muhammad Syamsu al-Haq. (1968). *‘Awn al-Ma’bud syarah sunan Abi Dawud*, ed. Abdul Rahman Muhammad ‘Uthman. Madinah: Maktabah al-Salafiyah.
- Abu Dawud, Sulaiman bin al-Ash’ath bin Ishaq al-Azidi al-Sijistani. (2000). “Sunan Abu Dawud”, dlm. *Mausu’at al-Hadith al-Sharif: al-Kutub*

- al-Sittah*, ed. Salih bin ‘Abd al- ‘Aziz Al al-Syaykh. Riyadh: Dar al-Salam.
- Al-‘Aini, Badr al-Din Abu Muhammad Mahmud bin Ahmad. (2001). *‘Umdah al-Qari Sharh Sahih al-Bukhari*, ed. ‘Abd Allah Mahmud Muhammad ‘Umar. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Bukhari, Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Isma’il. (1987). *al-Jami` al-Sahih al-Mukhtasar (Sahih al-Bukhari)*, ed. Dr. Mustafa Dib al-Bagha. Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Al-Bukhari, Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Isma’il. (2000a). *al-Jami` al-Sahih al-Bukhari*, ed. Muhib al-Din al-Khatib. Kaherah: Matba’ah al-Salafiyah.
- Al-Bukhari, Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Isma’il. (2000b). “Sahih al-Bukhari”, dalam *Mawsu’at al-Hadith al-Sharif: al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih bin ‘Abd al- ‘Aziz Al al-Syaykh. Riyadh: Dar al-Salam.
- Al-Nasa’i, Abu ‘Abd al-Rahman Ahmad bin Shu’aib bin ‘Ali. (2000). “Sunan al-Nasa’i, dlm. *Mawsu’at al-Hadith al-Sharif: al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih bin ‘Abd al- ‘Aziz Al al-Syaykh. Riyadh: Dar al-Salam.
- Al-Qaradawi, Yusuf. (1406H). *al-Sahwah al-Islamiyyah Bayn al-Juhud wa al-Tatarraf*, Qatar: Kitab al-Ummah.
- Al-Qaradawi, Yusuf. (1984). *Kebangunan Islam di Antara Tentangan dan Ekstrimisme*. terj. Muhammad Rivai Batubara. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Bustanuddin Agus. (2006). *Agama Dalam Kehidupan Manusia: Pengantar Antropologi Agama*. Jakarta: PT Rajagrafindo Persada.
- Chaplin, J. P. (2009). *Kamus Lengkap Psikologi*, terj. Kartin Kartono, Jakarta: PT Raja Grafindo Persada.
- Charles S. Liebman. (1983). Extremism As A Religious Norm, dlm. *Journal for the Scientific Study of Religion* 22, 1 (1983): 75-86.
- Dinda Ayu Kusumaningtyas. (2011). *Fanatisme dan Radikalisme Agama*. Latihan Ilmiah di Jurusan Sistem Informasi, Sekolah Tinggi Manajemen Informatika dan Komputer, AMIKOM, Yogyakarta.
- Hajah Noresah Baharum et. al. (2007). *Kamus Dewan Edisi Keempat*, cet. ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Nasution. (1974). *Islam Ditinjau Dari Berbagai Aspeknya*. Jakarta: Bulan Bintang.

- Hasan Muarif Ambary et.al. (1994). *Insiklopedia Islam*, j. 4, c. 2. Jakarta: Ihtiar Baru van Hoeve.
- Hidayati. (2015). Analisis Makna Kontekstual Kata دين /Dīnun/ Dan ملة /Millatun/ Dalam Al-Qur'an Al-Karim, Disertasi Sarjana, Departmen Sastra Arab, Fakultas Ilmu Budaya, Universitas Sumatera Utara, Medan.
- <http://mubarak-institute.blogspot.my/> (Diakses pada 17 Mac 2017).
- <http://penaraka.blogspot.my/2012/04/pengertian-agama.html>, 25 Julai 2016.
- <http://sosbud.kompasiana.com/2012/08/13/fanatisme-agama-hukumnya-wajib-485807.html>. (Diakses pada Sabtu, 2 Ogos 2014).
- <http://www.biography.com/people/winston-churchill-9248164>, (Diakses pada 4 April 2017).
- <http://www.thefamouspeople.com/profiles/george-santayana-221.php#wo4hyKpRXWimlvRG.99>. (Diakses pada 17 Mac 2017).
- https://en.wikipedia.org/wiki/Winston_Churchill. (Diakses pada 4 April 2017)
- https://id.wikipedia.org/wiki/Harun_Nasution. 17 Mac 2017.
- Ibn Hajar al-‘Asqalani, Ahmad bin ‘Ali bin Hajar Abu Fadl. (1379H). *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Ma`rifah.
- Ibn Majah, Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Yazid al-Qazwaini, (2000), “Sunan Ibn Majah”, dalam *Mausu’at al-Hadith al-Sharif: al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih bin ‘Abd al- ‘Aziz Al al-Syaykh. Riyadh: Dar al-Salam.
- Irna Purnamasari. (2016). Faktor Pendorong Fanatisme Pada Suporter Klub Sepak Bola Arsenal Di Balikpapan, Dlm. *eJournal Psikologi*, 2016, 4 (3).
- Jawiah Dakir dan Wan Awang Wan Ali. (2010). *Sunnah dan Bidaah Dalam Amalan Orang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mansor Mohd Noor. (2005). Memahami dan Mengurus Ekstreisme Agama di Malaysia. *Journal Of Ethics, Legal And Governmance*, 1.
- Marwan Hadidi, S.PdI, (2014), *Perintah Yang Disesuaikan Dengan Kemampuan*. Jakarta : Yayasan Pendidikan Islam al-Atsary.
- Md. Shukri Shuib. (2007). *Cetusan Pendekatan Islam Hadhari Bagi Menangani Ekstreisme Islam di Malaysia*, Sintok: Fakulti Pengajian Antarabangsa Universiti Utara Malaysia.

- Mohamad Kamil Ab. Majid. (2003). Fanatik dan Taksub Dalam Islam: Analisis Pandangan al-Qaradawi. *Jurnal Usuluddin*, Bil.18, 2003: 25-36.
- Mohd Asri Zainul Abidin. (2015). *Fanatik Mazhab Fekah & Kesan Negatifnya Terhadap Pemikiran Umat*. Perlis: Jabatan Mufti Negeri Perlis.
- Muhammad Abu Daraz. (t.t). *Al-Din Buhuth Muhammadah li Dirasah Tarikh al-Adyan*. Kaherah: Al-Azhar.
- Muhyiddin Yahya Bin Syaraf Nawawi. (2007). *Hadith Arba'in Nawawiyah*, terj. Abdullah Haidhir. Indonesia: Maktab Dakwah Dan Bimbingan Jaliyat Rabwah.
- Mushaddad Hasbullah, Mohd Asri Abdullah. (2013). “Wasatiyyah Pemacu Peradaban Negara”. Dlm. *Pendekatan Wasatiyyah Dan Cabaran Ekstrimism Di Malaysia* ed. Mahmood Zuhdi Abdul Majid ed. ke-1. Putrajaya: Institut Wasatiyyah Malaysia.
- Muslim bin al-Hajaj bin Muslim al-Qushairy. (1374H). *Sahih Muslim*, (ed.) Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi. Kaherah: Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah.
- Muslim bin al-Hajaj Abu Husain al-Qushairi al-Naisaburi. (2000). “Sahih Muslim”, dlm. *Mawsu'at al-Hadith al-Sharif: al-Kutub al-Sittah*, , ed. Salih bin 'Abd al-'Aziz Al al-Syaykh. Riyadh: Dar al-Salam.
- Santayana, George. (1905). *Life of Reason: Reason in Common Sense*. New York: Charles Scribner's Sons.
- Sheikh Abdullah bin Muhammad Basmieh. (2011). *Tafsir Pimpinan al Rahman kepada Pengertian al-Quran 30 Juzuk*, ed. Dato' Haji Muhammad Noor bin Haji Ibrahim, Cet. Ke-20. Selangor: Darul Fikir Sdn. Bhd.
- Sheikh Musa Syahin Lasyin. (2002). *Fath al-Mu'in Sharh Sahih Muslim*. Kaherah: Dar al-Shuruq.
- Usman Syihab (2003), “Agama dan Peranannya Dalam Pembangunan Peradaban: Satu Kajian Tentang Pemikiran Malik Bennabi (1905-1973)”, Tesis PhD, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

